KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM
JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA
*MINISTRY OF NATURAL RESOURCES AND ENVIRONMENTAL SUSTAINABILITY*
*FORESTRY DEPARTMENT OF PENINSULAR MALAYSIA*

# LAPORAN TAHUNAN

## *ANNUAL REPORT* 2024



## Rasional Muka Depan
## *Rationale of Cover*




*Calymmodon cucullatus*

Kulit depan Laporan Tahunan JPSM 2024 menampilkan keunikan biodiversiti yang ditemui melalui ekspedisi pada tahun 2024. Antara penemuan yang signifikan ialah *Calymmodon cucullatus* daripada keluarga Grammitidaceae. Tumbuhan ini merupakan rekod baharu pakis epifit di Negeri Selangor. Sebelum ini, spesies ini hanya direkodkan di kawasan tanah tinggi Taiping dan Gunung Tahan. Penemuan spesies ini di Gunung Nuang, Selangor semasa Ekspedisi Kepelbagaian Biologi mengukuhkan bukti bahawa hutan simpan kekal bukan sekadar kawasan hijau, tetapi juga gudang khazanah flora dan fauna bernilai tinggi. Hal ini turut mencerminkan usaha berterusan JPSM dalam memelihara warisan alam untuk generasi kini dan akan datang.

*The cover of the FDPM Annual Report 2024 features the unique biodiversity discovered through expeditions conducted in 2024. Among the significant findings is Calymmodon cucullatus from the Grammitidaceae family. This plant represents a new record of an epiphytic fern for the State of Selangor. Previously, this species had only been recorded in the highlands of Taiping and Mount Tahan. The discovery of this species on Mount Nuang, Selangor during the Biodiversity Expedition reinforces the evidence that permanent forest reserves are not merely green areas but also storehouses of highly valuable flora and fauna treasures. This also reflects FDPM's ongoing efforts to preserve the natural heritage for current and future generations.*




**JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA**
**KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM**
***FORESTRY DEPARTMENT OF PENINSULAR MALAYSIA***
***MINISTRY OF NATURAL RESOURCES AND ENVIRONMENTAL SUSTAINABILITY***

# LAPORAN TAHUNAN 2024
# Annual Report

Semua maklumat adalah sahih pada masa cetakan.
*All information are deemed correct at the time of printing.*

Hak Cipta Terpelihara © Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Semua bahan yang terkandung dalam ini adalah milik Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia. Tiada sebarang unsur daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula dalam apa jua bentuk sama ada secara mekanikal atau elektronik termasuk sistem penyimpanan dan pengeluaran maklumat tanpa kebenaran secara bertulis dari Ketua Pengarah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.

*All rights reserved. All materials contained herein remain strictly the property of the Forestry Department Peninsular Malaysia. No part of this publication may be reproduced in any electronic or mechanical means including information storage and retrieval systems without written permission from the Director-General of the Forestry Department Peninsular Malaysia.*

ISSN 1394-0074

PENERBIT / *PUBLISHER*:
Ibu Pejabat
Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
Jalan Sultan Salahuddin,
50660 Kuala Lumpur.

TEL : (+603) 2616 4488
FAKS : (+603) 2692 5657

https://www.forestry.gov.my
@Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
@jpsmofficial
@jpsmofficial
@jpsmofficial
@jpsmofficial





*Paphiopedilum barbatum*



Sungai Puchong, HS Gunung Arong



# KANDUNGAN
# *Contents*


**01** PERUTUSAN KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA — VI
*MESSAGE FROM THE DIRECTOR-GENERAL OF FORESTRY PENINSULAR MALAYSIA*

**02** PROFIL KORPORAT
*CORPORATE PROFILE*

Carta Organisasi / *Organisation Chart* — 2
Ahli-ahli Direktorat 2024 / *Members of the Directorate 2024* — 4
Fungsi Direktorat / *Functions of the Directorate* — 5
Pengarah Bahagian/Ketua Unit Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia — 6
*Division Directors/Heads of Unit Forestry Department of Peninsular Malaysia Headquarters*
Pengarah Perhutanan Negeri / *State Directors of Forestry* — 8
Latar Belakang Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia — 10
*Background of the Forestry Department of Peninsular Malaysia*
Visi, Misi, Objektif / *Vision, Mission, Objectives* — 13
Piagam Pelanggan Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia — 14
*Client's Charter Forestry Department of Peninsular Malaysia Headquarters*
Piagam Pelanggan Jabatan Perhutanan Negeri / *Client's Charter State Forestry Department* — 15
Logo dan Lagu Jabatan / *Logo and Official Song* — 16
Peranan Bahagian/Unit / *Role of Division/Unit* — 18
Ahli Majlis Bersama Jabatan / *Joint Council Members* — 36

**03** PERUNTUKAN PERLEMBAGAAN, DASAR, UNDANG-UNDANG DAN PEKELILING KETUA PENGARAH — 39
*CONSTITUTIONAL PROVISIONS, POLICY, LEGISLATIONS AND DIRECTOR-GENERAL CIRCULAR*

**04** PENGANUGERAHAN DAN PENGIKTIRAFAN
*AWARDS AND RECOGNITION*

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2024 / *Excellent Service Award 2024* — 46
Anugerah Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Malaysia 2024 — 49
*Awards of Orders, Decorations, and Medals of Malaysia 2024*
Anugerah dan pengiktirafan daripada pihak luar 2024 — 50
*Awards and recognition by external parties 2024*



*Codonoboea atrosanguinea*


**05** PENCAPAIAN JABATAN
*DEPARTMENT ACHIEVEMENTS*

Petunjuk Prestasi Utama Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia 2024 **52**
*Director-General of Forestry Peninsular Malaysia Key Performance Indicators 2024*
Imbasan Sepanjang Tahun 2024 / *Year Under Review 2024* **53**

**06** SOROTAN PERISTIWA IBU PEJABAT JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA 2024 **63**
*FORESTRY DEPARTMENT OF PENINSULAR MALAYSIA HEADQUARTERS EVENT HIGHLIGHTS 2024*

**07** ARTIKEL **81**
*ARTICLES*

**08** PROFIL JABATAN PERHUTANAN NEGERI **95**
*STATE FORESTRY DEPARTMENT'S PROFILE*

**09** LAMPIRAN **109**
*APPENDICES*

**10** LIPUTAN AKHBAR 2024 **213**
*NEWSPAPER COVERAGE 2024*




*Rafflesia kerrii*

# Perutusan
## *Message*



**Ketua Pengarah Perhutanan**
**Semenanjung Malaysia**
***Director-General of Forestry***
***Peninsular Malaysia***

Segala puji bagi Allah SWT, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga Baginda, para sahabat serta seluruh umat yang mengikuti sunnah Baginda hingga ke akhir zaman.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

*All praise be to Allah SWT, Lord of the Universe. May peace and blessings be upon our noble prophet Muhammad SAW, his family, companions, and all followers of his sunnah until the end of time.*

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*
*(May the peace, mercy, and blessings of Allah be with you)*
*Greetings and 'Salam Malaysia MADANI'.*

Tahun 2024 telah mencatatkan pelbagai pencapaian yang signifikan kepada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) di sebalik cabaran besar dalam landskap pengurusan hutan negara. Dalam menghadapi arus perubahan iklim global, kehilangan biodiversiti serta tekanan pembangunan, JPSM terus teguh memainkan peranan sebagai peneraju utama dalam memastikan khazanah hutan tropika negara diurus secara lestari. Kejayaan-kejayaan yang diraih sepanjang tahun ini merupakan kesinambungan kepada legasi lebih 123 tahun penubuhan jabatan, sekali gus membuktikan bahawa JPSM kekal relevan dan komited dalam menunaikan amanah yang dipertanggungjawabkan.

*The year 2024 recorded various significant achievements for the Forestry Department of Peninsular Malaysia (FDPM) despite major challenges in the national forest management landscape. In the face of global climate change, biodiversity loss, and development pressures, FDPM remains steadfast in its role as the leading leader ensuring the sustainable management of the nation's tropical forest treasures. The successes achieved throughout the year are a continuation of the Department's 123-year legacy, proving that FDPM remains relevant and committed to fulfilling its entrusted mandate.*



***Begonia venusta***

Sektor perhutanan terus berperanan sebagai pemacu ekonomi negara dengan menyumbang sebanyak RM6.62 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2024. Nilai eksport produk berasaskan kayu mencecah RM22.92 bilion, manakala hasil hutan sebanyak RM406 juta telah disalurkan kepada Kerajaan Negeri. Untuk mengurus kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) seluas 4.85 juta hektar, JPSM membelanjakan lebih RM389 juta, merangkumi kos pengurusan, pembangunan dan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan (KWPH). Prestasi ini mencerminkan kecekapan pentadbiran kewangan dan keupayaan JPSM dalam mengimbangi aspek ekonomi dengan kelestarian alam sekitar.

*The forestry sector continues to play a role as a driver of the national economy, contributing RM6.62 billion to the Gross Domestic Product (GDP) in 2024. The export value of wood-based products reached RM22.92 billion, while forest revenue of RM406 million was channelled to State Governments. To manage the 4.85 million hectares of Permanent Reserved Forests (PRF), FDPM spent over RM389 million, covering management, development, and the Forest Development Fund (KWPH). This performance reflects financial efficiency and the department's ability to balance economic aspects with environmental sustainability.*

Salah satu pencapaian gemilang pada tahun 2024 ialah kejayaan Agenda Penghijauan Malaysia. Sasaran penanaman 100 juta pokok telah dicapai lebih awal, dengan sejumlah 112.9 juta pokok berjaya ditanam di seluruh negara menjelang 31 Disember 2024. Usaha ini hanya dapat direalisasikan melalui kerjasama erat antara kerajaan negeri, agensi berkaitan, komuniti setempat, serta sektor swasta. Selain itu, ketetapan Majlis Tanah Negara ke-81 tentang pewartaan kawasan baharu HSK di bawah rangkaian ekologi *Central Forest Spine* (CFS) serta pelaksanaan moratorium ladang hutan membuktikan kesungguhan negara untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50% keluasan tanah negara dilitupi hutan.

*One of the great achievements in 2024 was the success of the Malaysia Greening Agenda. The target of planting 100 million trees was achieved ahead of schedule, with a total of 112.9 million trees successfully planted nationwide by 31 December 2024. This was made possible through close cooperation between state governments, relevant agencies, local communities, and the private sector. In addition, the 81st National Land Council's resolution on gazetting new PRF areas under the Central Forest Spine (CFS) ecological network and the implementation of the forest plantation moratorium demonstrate the nation's determination to maintain at least 50% of its land area under forest cover.*

JPSM berjaya mengekalkan pensijilan *Malaysian Criteria and Indicators for Forest Management Certification* (MC&I) di tujuh negeri, sekali gus mengukuhkan lagi pengiktirafan antarabangsa terhadap pengurusan hutan mampan negara. Kejayaan mengekalkan pensijilan MS ISO 9001:2015 turut memperlihatkan ketelusan dan kecekapan pentadbiran jabatan. Pada masa yang sama, kecemerlangan warga JPSM diraikan apabila seramai 11 pegawai menerima Sijil Khas Menteri pada Majlis Anugerah Kecemerlangan dan Lestari Budi Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), sebagai pengiktirafan atas dedikasi serta sumbangan mereka dalam menjayakan projek yang berimpak besar.

*FDPM successfully maintained the Malaysian Criteria and Indicators for Forest Management Certification (MC&I) in seven states, further strengthening the international recognition of the nation's sustainable forest management. The success in retaining the MS ISO 9001:2015 certification also demonstrates the Department's administrative transparency and efficiency. At the same time, the excellence of FDPM personnel was celebrated when 11 officers received the Minister's Special Certificate at the Ministry of Natural Resources and Environmental Sustainability (NRES) Excellence and Sustainable Service Awards Ceremony, in recognition of their dedication and contribution to high-impact projects.*

Potensi ekopelancongan hutan terus diperkukuh melalui Program Malim Gunung Perhutanan (MGP) serta penganjuran KL *Green Symphony* 2024 yang kini dirancang sebagai acara tahunan. Penyeragaman sistem permit memasuki HSK untuk tujuan rekreasi dan ekopelancongan pula memudahkan akses masyarakat sambil meningkatkan hasil ekonomi negeri. Pendekatan ini membuktikan komitmen JPSM untuk menyeimbangkan antara pembangunan ekopelancongan dan pemeliharaan biodiversiti, dengan melibatkan komuniti tempatan sebagai rakan strategik utama.

*The potential for forest ecotourism continues to be strengthened through the Forestry Mountain Guide (MGP) Programme and the organisation of KL Green Symphony 2024, which is now planned as an annual event. The standardisation of the permit system for entering PRFs for recreation and ecotourism facilitates public access while increasing state economic revenue. This approach proves FDPM's commitment to balancing ecotourism development and biodiversity conservation, by involving local communities as key strategic partners.*

Bagi memastikan JPSM terus relevan, transformasi organisasi JPSM digerakkan melalui enam fasa tindakan. Sehingga akhir tahun 2024, tiga fasa awal telah berjaya dilaksanakan, meliputi soal selidik dalaman, kajian pandangan pihak berkepentingan, dan pelaksanaan Program Pemukiman Pengurusan JPSM. Usaha ini telah menghasilkan draf hala tuju baharu yang merangkumi visi, misi, dan objektif jabatan.

*To ensure FDPM remains relevant, the FDPM organisational transformation is being driven through six phases of action. By the end of 2024, the first three phases were successfully implemented, covering internal surveys, stakeholder opinion studies, and the implementation of the FDPM Management Retreat Programme. This effort resulted in a draft of the new direction, encompassing the department's vision, mission, and objectives.*

Di samping itu, modal insan terus diberi perhatian sebagai aset terpenting dalam memastikan kelestarian sektor perhutanan. Pada tahun 2024, kadar pengisian jawatan mencapai 73.7%, dengan seramai 4,381 pegawai dan kakitangan berkhidmat. Melalui latihan tenaga mahir bidang perhutanan 2024, seramai 114 pelatih telah menamatkan latihan mereka dalam program Kursus Sijil Institut Latihan Perhutanan (FORTRAIN), sekali gus melahirkan tenaga kerja mahir yang bersedia menyumbang kepada pembangunan sektor ini.

*In addition, human capital continues to be a focus as the most important asset in ensuring the sustainability of the forestry sector. In 2024, the staffing rate reached 73.7%, with 4,381 officers and staff serving the department. Through the 2024 Forestry Skilled Training Programme, a total of 114 trainees completed their studies at the Forestry Training Institute Certificate Course (FORTRAIN), thus producing a skilled workforce ready to contribute to the sector's development.*

Tahun 2024 turut menyaksikan pencapaian penting *Projek Sustainable Management of Peatland Ecosystem in Malaysia* (SMPEM) yang memperkukuh pengurusan lestari tanah gambut negara. Antara kejayaan utama ialah pengurangan kebakaran tanah gambut secara signifikan daripada 385.2 hektar pada tahun 2020 kepada hanya 25.2 hektar pada tahun 2023, hasil kerjasama dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), penggunaan teknologi *Internet of Things* (IoT), penanaman semula di kawasan terbakar seperti Hutan Simpan Raja Musa dan Resak Tambahan, serta latihan komuniti setempat. Selain itu juga, kerjasama erat antara JPSM, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tanah Gambut (JKTG) sebagai platform perkongsian ilmu, pengalaman dan amalan terbaik.

*The year 2024 also witnessed important achievements of the Sustainable Management of Peatland Ecosystem in Malaysia (SMPEM) Project, which strengthened sustainable peatland management nationwide. Among the main successes was the significant reduction of peatland fires from 385.2 hectares in 2020 to only 25.2 hectares in 2023, through cooperation with the Fire and Rescue Department of Malaysia (JBPM), the use of Internet of Things (IoT) technology, replanting in burnt areas such as Raja Musa and Resak Tambahan Forest Reserves, and local community training. Furthermore, close collaboration between FDPM, Sabah Forestry Department, and Sarawak Forest Department through the Peatland Working Committee Meeting (JKTG) provided a platform for knowledge sharing, experience exchange, and best practices.*

Salah satu pencapaian lain yang membanggakan JPSM ialah penglibatan aktif SMPEM di *29th Session of the Conference of the Parties* (COP29) *to the UN Framework Convention on Climate Change* (UNFCCC) yang berlangsung di Baku, Azerbaijan pada November 2024. Dalam sesi bertajuk *"Turning the Tide with Malaysia's Peatlands Conservation"*, JPSM menegaskan peranan kritikal tanah gambut dalam penyimpanan karbon berskala besar, sekali gus menyumbang kepada sasaran *Net Zero Carbon* menjelang 2050, pemeliharaan biodiversiti unik yang menjadikan tanah gambut sebagai ekosistem penting di rantau Asia Tenggara dan peranan komuniti setempat dalam pemulihan gambut, termasuk penglibatan masyarakat dalam pengawasan kebakaran, penanaman semula, dan pemulihan hidrologi.

*Another achievement FDPM is proud of is the active participation of SMPEM at the 29th Session of the Conference of the Parties (COP29) to the UN Framework Convention on Climate Change (UNFCCC), held in Baku, Azerbaijan, in November 2024. In the session titled "Turning the Tide with Malaysia's Peatlands Conservation", FDPM emphasised the critical role of peatlands in large-scale carbon storage, contributing to the Net Zero Carbon target by 2050, the conserving of unique biodiversity that makes peatlands an important ecosystem in the Southeast Asian region, and the role of local communities in peat restoration, including community involvement in fire monitoring, replanting, and hydrological restoration.*

Penglibatan Malaysia melalui SMPEM di COP29 bukan sekadar mempamerkan kejayaan teknikal, tetapi juga

*Malaysia's involvement through SMPEM at COP29 was not merely a showcase of technical achievements, but*

menjadi medium diplomasi hijau yang mengangkat imej negara sebagai pemimpin serantau dalam konservasi tanah gambut. Malaysia menekankan bahawa pembangunan ekonomi, khususnya dalam sektor pertanian, boleh dijalankan secara harmoni dengan pemeliharaan alam sekitar.

*also a form of green diplomacy that elevated the nation's image as a regional leader in peatland conservation. Malaysia underlined that economic development, particularly in the agricultural sector, can be pursued in harmony with environmental preservation.*

Kehadiran Malaysia di COP29 turut mengukuhkan jaringan kerjasama serantau dan subserantau dengan negara-negara ASEAN, selain membuka ruang kepada perkongsian teknologi, pembiayaan iklim, dan amalan terbaik pengurusan tanah gambut. Ia menjadi bukti bahawa komitmen nasional kepada Matlamat Pembangunan Mampan *(Sustainable Development Goals, SDG)* dan Perjanjian Paris tidak hanya retorik, tetapi diperkukuh dengan tindakan nyata di peringkat lapangan dan antarabangsa.

*Malaysia's presence at COP29 also strengthened regional and sub-regional cooperation networks with ASEAN countries, while opening up opportunities for sharing technology, climate financing, and best practices in peatland management. This serves as proof that the national commitment to the Sustainable Development Goals (SDG) and the Paris Agreement is not just rhetoric but is reinforced by concrete action at the ground level and internationally.*

Kejayaan ini menonjolkan Malaysia di pentas global, sekali gus menegaskan bahawa usaha pemuliharaan tanah gambut adalah sebahagian daripada strategi besar negara dalam menangani perubahan iklim dan memastikan kelestarian jangka panjang.

*This success highlights Malaysia on the global stage, confirming that peatland conservation efforts are part of the country's broader strategy in tackling climate change and ensuring long-term sustainability.*

Seiring dengan itu, JPSM turut menyahut pelaksanaan Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam (ARPA) yang dilancarkan pada September 2024, sebagai kerangka strategik memperkukuh integriti, kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan awam. Reformasi ini disokong dengan Reformasi Perkhidmatan JPSM yang mengkaji semula visi, misi serta pelan strategik jabatan agar lebih responsif terhadap cabaran semasa.

*In line with this, FDPM also embraced the implementation of the Public Service Reform Agenda (ARPA), launched in September 2024, as a strategic framework to strengthen the integrity, efficiency, and effectiveness of the public service delivery system. This reform is supported by the FDPM Service Reform, which reviews the Department's vision, mission, and strategic plan to be more responsive to current challenges.*


Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga JPSM, kerajaan negeri, komuniti, rakan strategik, serta semua pihak berkepentingan atas sokongan yang tidak berbelah bahagi sepanjang tahun 2024. Semoga usaha kita bersama diberkati oleh Allah SWT dan terus memberi manfaat kepada rakyat, alam sekitar, serta generasi akan datang. Tidak lupa, penghargaan khusus kepada Jawatankuasa Editorial Laporan Tahunan 2024 dan semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam penerbitan laporan ini. Dengan semangat Malaysia MADANI, marilah kita terus melangkah ke hadapan demi menjadikan JPSM sebagai agensi terunggul dunia dalam pengurusan hutan tropika secara lestari.


*Finally, I extend my highest appreciation to all FDPM personnel, state governments, communities, strategic partners, and all stakeholders for their unwavering support throughout 2024. May our collective efforts be blessed by Allah SWT and continue to benefit the people, the environment, and future generations. A special thanks to the 2024 Annual Report Editorial Committee and everyone directly or indirectly involved in the publication of this report. With the spirit of 'Malaysia MADANI', let us continue to move forward to make FDPM the world's leading agency in the sustainable management of tropical forests.*

Sekian, terima kasih.
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

*Thank you.*
*Waalaikumsalam Warahmatullahi Wabarakatuh*
*(And upon you be peace, the mercy of Allah, and His blessings)*

**(DATO' HJ. ZAHARI BIN IBRAHIM)**
Ketua Pengarah Perhutanan
Semenanjung Malaysia
*Director-General of Forestry*
*Peninsular Malaysia*





*Scleroderma sp.*




# 02

# PROFIL KORPORAT

*CORPORATE PROFILE*

# CARTA ORGANISASI





| | |
|---|---|
| PKB(PE) | - Pengarah Kanan Bahagian Perancangan dan Ekonomi Hutan |
| PKB(UH) | - Pengarah Kanan Bahagian Pengurusan Hutan |
| PB(SB) | - Pengarah Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan |
| PB(EP) | - Pengarah Bahagian *Forest Eco-Park* dan Hutan Taman Negeri |
| PB(HA) | - Pengarah Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa |
| PB(LH) | - Pengarah Bahagian Ladang Hutan dan Perlindungan Hutan |
| PB(PP) | - Pengarah Bahagian Perundangan dan Pendakwaan |
| PB(KH) | - Pengarah Bahagian Kejuruteraan Hutan |
| PB(TK) | - Pengarah Bahagian Teknikal dan Industri Kayu |
| PB(PK) | - Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Hutan |
| PB(LP) | - Pengarah Bahagian Latihan Perhutanan |
| PB(PM) | - Pengarah Bahagian Pengurusan Maklumat |
| PB(KP) | - Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan |
| KU(IP) | - Ketua Unit Integriti Perhutanan |
| KU(PA) | - Ketua Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam |

| | |
|---|---|
| KS(PMM) | - Ketua Seksyen Perancangan Mikro dan Makro |
| KS(PJK) | - Ketua Seksyen Khidmat Perunding dan Jaminan Kualiti |
| KS(PSH) | - Ketua Seksyen Pensijilan Hutan |
| KS(EKH) | - Ketua Seksyen Ekonomi Hutan |
| KS(UHD) | - Ketua Seksyen Pengurusan Hutan Darat |
| KS(UHL) | - Ketua Seksyen Pengurusan Hutan Tanah Lembab |
| KS(PPS) | - Ketua Seksyen Perancangan dan Penilaian Sumber Hutan |
| KS(HTA) | - Ketua Seksyen Pemeliharaan Hutan Tadahan Air |
| KS(CFS) | - Ketua Seksyen *Central Forest Spine* |
| KS(SIL) | - Ketua Seksyen Silvikultur |
| KS(BIO) | - Ketua Seksyen Kepelbagaian Biologi Hutan |
| KS(KBH) | - Ketua Seksyen Kawalan Biologi Hutan |
| KS(ECO) | - Ketua Seksyen *Forest Eco-Park* dan Hutan Taman Negeri |
| KS(TBT) | - Ketua Seksyen Teknologi Bahan Tanaman |
| KS(HTS) | - Ketua Seksyen Perhutanan Tani dan Perhutanan Semula |
| KS(PPP) | - Ketua Seksyen Pemuliharaan Hutan Persisiran Pantai |
| KS(EXT) | - Ketua Seksyen Perlindungan dan Pengembangan |

| | |
|---|---|
| KS(STB) | - Ketua Seksyen Struktur dan Bangunan |
| KS(KJH) | - Ketua Seksyen Kejuruteraan Hutan |
| KS(IND) | - Ketua Seksyen Perindustrian |
| KS(TUH) | - Ketua Seksyen Teknologi dan Pengusahasilan Hutan |
| KS(TEK) | - Ketua Seksyen Perkhidmatan Teknikal |
| KS(KKP) | - Ketua Seksyen Keselamatan dan Kesihatan Pekerja |
| KS(FOR) | - Ketua Seksyen Forensik |
| KS(PPK) | - Ketua Seksyen Penguatkuasaan |
| PT(ILP) | - Pengetua Pusat Latihan Perhutanan (Fortrain) |
| KS(PLK) | - Ketua Seksyen Pembangunan Latihan dan Kerjaya |
| PT(LPT) | - Pengetua Pusat Latihan Perhutanan Terengganu |
| KS(GEO) | - Ketua Seksyen Geoformatik |
| KS(SPM) | - Ketua Seksyen Sistem Pengurusan Maklumat |
| KS(KEW) | - Ketua Seksyen Kewangan |
| KS(PEN) | - Ketua Seksyen Pentadbiran |
| KS(PSM) | - Ketua Seksyen Pengurusan Sumber Manusia |
| KS(KOMP) | - Ketua Seksyen Kompetensi |
| KS(LIB) | - Ketua Seksyen Perpustakaan |

# ORGANISATION CHART




PKB(PE) - *Senior Director of Forest Planning and Economics Division*
PKB(UH) - *Senior Director of Forest Management Division*
PB(SB) - *Director of Silviculture and Forest Biodiversity Conservation Division*
PB(EP) - *Director of Forest Eco-Park and Forest State Park Division*
PB(HA) - *Director of International Affairs Division*
PB(LH) - *Director of Forest Plantation and Protection Division*
PB(PP) - *Director of Legal and Prosecution Division*
PB(KH) - *Director of Forest Engineering Division*
PB(TK) - *Director of Technical and Wood Industry Division*
PB(PK) - *Director of Forest Enforcement Division*
PB(LP) - *Director of Forestry Training Division*
PB(PM) - *Director of Information Management Division*
PB(KP) - *Director of Management Services Division*
KU(IP) - *Head of Forestry Integrity Unit*
KU(PA) - *Head of Corporate Communication and Public Relations Unit*

KS(PMM) - *Head of Micro and Macro Planning Unit*
KS(PJK) - *Head of Consultancy and Quality Assurance Section*
KS(PSH) - *Head of Forest Cetification Section*
KS(EKH) - *Head of Forest Economics Section*
KS(UHD) - *Head of Inland Forest Management Section*
KS(UHL) - *Head of Wetland Management Section*
KS(PPS) - *Head of Planning and Forest Resource Evaluation Section*
KS(HTA) - *Head of Water Catchment Conservation Section*
KS(CFS) - *Head of Central Forest Spine*
KS(SIL) - *Head of Silviculture Section*
KS(BIO) - *Head of Forest Biological Control Section*
KS(KBH) - *Head of Forest Biodiversity Control*
KS(ECO) - *Head of Forest Eco-Park and State Forest Park Section*
KS(TBT) - *Head of Planning Material Technology Section*
KS(HTS) - *Head of Agroforestry and Reforestation Section*
KS(PPP) - *Head of Coastal Forest Rehabilitation Section*
KS(EXT) - *Head of Forest Protection and Extention Section*

KS(STB) - *Head of Structure and Building Section*
KS(KJH) - *Head of Forest Engineering Section*
KS(IND) - *Head of Industrial Section*
KS(TUH) - *Head of Forest Harvesting and Technology Section*
KS(TEK) - *Head of Mechanical Services Section*
KS(KKP) - *Head of Occupational Safety and Health Section*
KS(FOR) - *Head of Forensic Section*
KS(PPK) - *Head of Enforcement Section*
PT(ILP) - *Principal of Forestry Training Institute (Fortrain)*
KS(PLK) - *Head of Career and Training Development Section*
PT(LPT) - *Principal of Forestry Training Centre Terengganu*
KS(GEO) - *Head of Geoformatic Section*
KS(SPM) - *Head of Information Management Section*
KS(KEW) - *Head of Finance Section*
KS(PEN) - *Head of Administration Section*
KS(PSM) - *Head of Human Resource Management Section*
KS(KOMP) - *Head of Competency Section*
KS(LIB) - *Head of Library Section*

# AHLI-AHLI DIREKTORAT
*Members of the Directorate*



**DATO' MOHD RAHIM BIN RANI**
Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan
(Dasar dan Perancangan)
*Deputy Director-General of Forestry*
*(Policy and Planning)*

**DATO' HJ. ZAHARI BIN IBRAHIM**
Ketua Pengarah Perhutanan
Semenanjung Malaysia
*Director-General of Forestry*
*Peninsular Malaysia*

**DATO' AHMAD FADZIL**
**BIN ABDUL MAJID**
Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan
(Operasi dan Teknikal)
*Deputy Director-General of Forestry*
*(Operations and Technical)*

# FUNGSI DIREKTORAT
*Functions of the Directorate*

Direktorat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia terdiri daripada Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia yang dibantu oleh dua orang Timbalan Ketua Pengarah. Direktorat ini bertanggungjawab dalam penggubalan dan pelaksanaan dasar, strategi serta objektif jabatan serta menyelaras aspek pentadbiran, pengurusan, pembangunan dan pemeliharaan sumber hutan agar selaras dengan keperluan negara.

*The Directorate of the Forestry Department of Peninsular Malaysia comprises the Director-General of Forestry Peninsular Malaysia and assisted by two Deputy Director-Generals. The Directorate responsible for the formulation and implementation of the department's policies, strategies, and objectives, as well as for coordinating administrative functions, management, development and conservation of the forest resources to meet the needs of the country.*


*Alpinia conchingera*

# PENGARAH BAHAGIAN/
*Division Directors/Heads of Unit FDPMHq*
# KETUA UNIT IPJPSM



1. **Bahagian Perancangan dan Ekonomi Hutan**
   *Forest Planning and Economics Division*
   **MOHD RADHI CHU BIN ABDULLAH**

2. **Bahagian Pengurusan Hutan**
   *Forest Management Division*
   **DATO' HJ. ROSLAN BIN RANI**

3. **Bahagian Ladang Hutan dan Perlindungan Hutan**
   *Forest Plantation and Protection Division*
   **DATO' SAMSU ANUAR BIN NAWI**

4. **Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan**
   *Silviculture and Forest Biodiversity Conservation Division*
   **MOHD RIDZUWAN BIN ENDOT**

5. **Bahagian Latihan Perhutanan**
   *Forestry Training Division*
   **RAMLI BIN MAT**

6. **Unit Integriti Perhutanan**
   *Forestry Integrity Unit*
   **AB MUNEIM BIN IBRAHIM**

7. **Bahagian Penguatkuasaan Hutan**
   *Forest Enforcement Division*
   **ABD RAMLIZAUYAHHUDIN BIN MAHLI**

8. **Bahagian *Forest Eco-Park* dan Hutan Taman Negeri**
   *Forest Eco-Park and Forest State Park Division*
   **MOHD YUSSAINY BIN MD YUSOP**

9. **Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa**
   *International Affairs Division*
   **HARRY YONG**

10. **Bahagian Khidmat Pengurusan**
    *Management Services Division*
    **HALIMATUSAADIAH BINTI RAMLI**

11. **Bahagian Kejuruteraan Hutan**
    *Forest Engineering Division*
    **IR. HJ. KHAIRUL NIZAM BIN YUSOFF**

12. **Bahagian Teknikal dan Industri Kayu**
    *Technical and Wood Industry Division*
    **MESRAN BIN MAHAYAT**

13. **Bahagian Pengurusan Maklumat**
    *Information Management Division*
    **CHE ASLINALIZA BINTI CHE AHMED**

14. **Bahagian Perundangan dan Pendakwaan**
    *Legal and Prosecution Division*
    **WONG SHU EN**

15. **Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam**
    *Corporate Communication and Public Relations Unit*
    **REGINA MARIAH JONG**

# PENGARAH PERHUTANAN
*State Directors of Forestry*
# NEGERI



1. **PAHANG**
   **ZAINUDDIN BIN JAMALUDDIN**

2. **PERAK**
   **DATO' MOHD BASRI BIN ABDUL MANAF**

3. **KELANTAN**
   **MOHD RAHIM BIN RAMLI**

4. **TERENGGANU**
   **DATO' NORHAIDI BIN YUNUS**

5. **KEDAH**
   **MUHAMAD BIN ABDULLAH**

6. **JOHOR**
   **Kosong / *vacant***

7. **SELANGOR**
   **AZHAR BIN AHMAD**

8. **NEGERI SEMBILAN**
   **HAMIDI BIN ABD HALIM**

9. **PERLIS**
   **AG. SHAFFIE BIN AG. AHMADNI**

10. **PULAU PINANG**
    **MUHAMMAD EZHAR BIN YUSUF @ ANTIK**

11. **MELAKA**
    **KHIRUN NIZAM BIN ABDUL RAHIM**

12. **WILAYAH PERSEKUTUAN**
    **AZRUL EKHUAN BIN ELIAH**

# LATAR BELAKANG JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA
*BACKGROUND OF THE FORESTRY DEPARTMENT OF PENINSULAR MALAYSIA*

## ORGANISASI
## *ORGANISATION*

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) adalah salah satu jabatan di bawah Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam yang terdiri daripada Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, 12 Jabatan Perhutanan Negeri dan 36 Pejabat Hutan Daerah di seluruh Semenanjung Malaysia. Jabatan ini diketuai oleh Ketua Pengarah Perhutanan dan dibantu oleh dua Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan. Pada akhir tahun 2024, bilangan tenaga kerja adalah seramai 4,381 orang.

*The Forestry Department of Peninsular Malaysia (FDPM) is one of the departments under the Ministry of Natural Resources and Environmental Sustainability. It comprises the Forestry Department of Peninsular Malaysia Headquarters, 12 State Forestry Departments and 36 District Forest Offices throughout the Peninsular Malaysia. The Department is headed by the Director-General of Forestry and assisted by two Deputy Director-Generals. At the end of 2024, the total workforce is 4,381.*

## FUNGSI JABATAN
## *FUNCTIONS OF THE DEPARTMENT*

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia bertanggungjawab terhadap pengurusan, perancangan, perlindungan dan pembangunan kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) selaras dengan Dasar Perhutanan Malaysia 2020, Dasar Perhutanan Semenanjung Malaysia 2020 dan Akta Perhutanan Negara (APN) 1984.

*The Forestry Department of Peninsular Malaysia is responsible for the management, planning, protection and development of the Permanent Reserved Forests (PRFs) in accordance with the Malaysia Forestry Policy 2020, Peninsular Malaysia Forestry Policy 2022 and the National Forestry Act (NFA) 1984.*

# IBU PEJABAT JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

*Forestry Department of Peninsular Malaysia Headquarters*

Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia bertanggungjawab untuk menggubal dasar-dasar perhutanan, memberi nasihat dan khidmat teknikal kepada Jabatan Perhutanan Negeri dalam aspek perancangan, pengurusan dan pembangunan hutan, pengusahasilan hutan dan industri berasas kayu, kajian operasi hutan serta latihan dan pembangunan sumber manusia.

*The Forestry Department of Peninsular Malaysia Headquarters is responsible for the formulation of forestry policies, providing technical advice and assistance to the State Forestry Departments with regard to forest planning, management and development, forest harvesting and wood-based industries, forest operational studies as well as training and human resource development.*

Terdapat dua Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan di Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia iaitu Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (Dasar dan Perancangan) dan Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (Operasi dan Teknikal) masing-masing bertanggungjawab terhadap enam bahagian di bawah dua sektor yang berlainan. Selain itu, terdapat dua Unit dan satu Bahagian lain yang bertanggungjawab secara langsung kepada Ketua Pengarah Perhutanan.

*There are two Deputy Director-Generals at Forestry Department of Peninsular Malaysia Headquarters namely the Deputy Director-General of Forestry Peninsular Malaysia (Policy and Planning) and Deputy Director-General of Forestry Peninsular Malaysia (Operations and Technical), each responsible for six divisions respectively. In addition, two Units and another Division are directly accountable to the Director-General of Forestry.*

## Sektor Dasar dan Perancangan
## *Policy and Planning Sector*

Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan (Dasar dan Perancangan) bertanggungjawab ke atas perancangan dan ekonomi hutan, pengurusan sumber hutan, silvikultur dan pemeliharaan biologi hutan, pembangunan *forest eco-park* dan hutan taman negeri, hal ehwal perhutanan antarabangsa, pembangunan ladang hutan dan perlindungan hutan.

*The Deputy Director-General of Forestry (Policy and Planning) is responsible for forest planning and economics, forest resource management, forest silviculture and forest biological conservation, forest eco park and forest state park development, international forestry affairs as well as forest plantation development and protection.*

## Sektor Operasi dan Teknikal
## *Operations and Technical Sector*

Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan (Operasi dan Teknikal) bertanggungjawab dalam urusan pentadbiran dan kewangan, kejuruteraan hutan, teknikal dan industri kayu, penguatkuasaan hutan, latihan perhutanan dan pembangunan modal insan serta pembangunan sistem teknologi maklumat.

*The Deputy Director-General of Forestry (Operations and Technical), is responsible for administration and finance, forest engineering, technical and wood industry, forest enforcement, forestry training and human resource empowerment as well as information technology systems development.*

# JABATAN PERHUTANAN NEGERI
*STATE FORESTRY DEPARTMENT*

Jabatan Perhutanan Negeri bertanggungjawab dalam pengurusan dan pembangunan sumber hutan, pengusahasilan hutan, kutipan hasil hutan dan pembangunan industri berasas kayu di negeri. Jabatan Perhutanan Negeri dibahagikan kepada Bahagian Operasi Hutan dan Pembangunan Hutan serta disokong oleh Pejabat Hutan Daerah/ Jajahan.

*The State Forestry Department is responsible in the management and development of forest resources, forest harvesting, forest revenue collection and the development of wood-based industries in state. The State Forestry Department is divided into Forest Operations and Forest Development Divisions and supported by District Forest Offices.*

**Bahagian Operasi Hutan**
***Forest Operations Division***

Bahagian Operasi Hutan bertanggungjawab terhadap pentadbiran, penguatkuasaan undang-undang hutan, kutipan hasil hutan di samping penyelaras hubungan dengan Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, lain-lain jabatan/agensi dan badan- badan berkanun.

*Forest Operations Division responsible for administration, forest law enforcement, forest revenue collection as well as to coordinate and maintain liaison with the Forestry Department of Peninsular Malaysia Headquarters, other departments/agencies and statutory bodies.*

**Bahagian Pembangunan Hutan**
***Forest Development Division***

Bahagian Pembangunan Hutan bertanggungjawab dalam merancang, melaksana dan memantau aktiviti-aktiviti pengurusan dan pembangunan hutan, termasuk pemeliharaan biodiversiti, pembangunan ekopelancongan dan pemulihan kawasan hutan serta penyediaan dan pelaksanaan Rancangan Pengurusan Hutan Negeri.

*Forest Development Division responsible for planning, implementing and monitoring of forest management and development activities, including biodiversity conservation, ecotourism development and forest rehabilitation as well as the preparation and implementation of the State Forest Management Plan.*

**Pejabat Hutan Daerah / Jajahan**
***District Forest Office***

Pejabat Hutan Daerah/Jajahan bertanggungjawab terhadap pentadbiran, operasi pengawalan pengusahasilan hutan, kutipan hasil hutan dan penguatkuasaan undang-undang hutan. Pejabat ini juga bertanggungjawab untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti pengurusan dan pembangunan hutan termasuk pengurusan *forest eco-park* dan hutan taman negeri.

*District Forest Office responsible for administration, regulating forest harvesting operation, forest revenue collection and forest law enforcement. The office is also responsible for implementing forest management and development activities including the management of forest eco-park and forest state park.*

## VISI
*Vision*

**Untuk menjadi agensi terunggul dalam pengurusan hutan tropika secara berkekalan.**
*To be the agency of excellence in the sustainable management of tropical forest.*

## MISI
*Mission*

**Untuk mengurus dan membangunkan sumber hutan secara berkekalan serta mengoptimumkan sumbangannya kepada pembangunan sosioekonomi negara.**
*To sustainably manage and develop the forest resources and optimise their contributions to national socioeconomic development.*

## OBJEKTIF
*Objectives*

**01**

Untuk menguruskan sumber hutan negara secara berkekalan bagi pengeluaran berterusan hasil dan perkhidmatan hutan serta penggunaannya secara optimum bersesuaian dengan keperluan alam sekitar.
*To manage the forest resources sustainably for the continuous production of forest goods and services and their optimum utilisation, compatible with environmental requirements.*

**02**

Untuk meningkatkan bekalan pengeluaran hasil dan perkhidmatan hutan melalui aktiviti-aktiviti perhutanan bersesuaian yang akan meningkatkan kualiti, produktiviti serta penggunaan sumber hutan.
*To increase the supply of forest goods and services through appropriate forestry activities that enhance the quality, productivity and utilisation of the forest resources.*

**03**

Untuk terus membangunkan teknologi mantap yang bersesuaian dengan keperluan alam sekitar bagi pemeliharaan, pengurusan dan penggunaan sumber hutan.
*To further develop appropriate environmentally sound technology for the conservation, management and utilisation of the forest resources.*

**04**

Untuk memelihara dan melindungi kepelbagaian biologi hutan, air dan tanah serta penggunaannya secara berkekalan.
*To conserve and protect the forests biological diversity, water and soil, and their sustainable utilisation.*

**05**

Untuk meningkatkan kualiti dan kecekapan kilang-kilang pemprosesan berasaskan keluaran hutan serta menambahkan aktiviti-aktiviti hiliran dengan nilai tambah yang tinggi.
*To increase the quality and efficiency of the forest-based processing mills and enhance higher value added downstream activities.*

**06**

Untuk memperkukuhkan pembangunan sumber manusia bagi menyokong sektor perhutanan.
*To strengthen human resource development to support the forestry sector.*

**07**

Untuk meningkatkan kesedaran awam berhubung peranan hutan terhadap alam sekitar dan pemeliharaan melalui pembelajaran serta penyebaran maklumat.
*To improve public awareness on the environmental and conservational roles of forests through education and dissemination of information.*

**08**

Untuk meningkatkan sumbangan sektor perhutanan kepada pendapatan negara, pertukaran wang asing dan peluang-peluang pekerjaan.
*To increase the forestry sector's contribution to national income, foreign exchange earnings and employment opportunities.*

## PIAGAM PELANGGAN IPJPSM

1. Semua permohonan untuk mendapatkan maklumat-maklumat mengenai pengurusan, pembangunan dan pemuliharaan sumber hutan serta industri perhutanan akan dikemukakan dalam tempoh satu minggu dari tarikh permohonan diterima kecuali bagi maklumat-maklumat yang belum diperolehi oleh Jabatan.

2. Nasihat-nasihat teknikal mengenai pengurusan, pembangunan dan pemuliharaan sumber hutan serta industri perhutanan akan dikemukakan dalam tempoh dua minggu dari tarikh ianya diterima kecuali bagi perkara-perkara yang memerlukan kajian yang khusus.

3. Semua permohonan untuk mendapatkan penerbitan tidak terperingkat akan diedarkan dalam tempoh dua minggu dari tarikh permohonan diterima.

4. Permohonan untuk mengikuti latihan dalam perkhidmatan yang dianjurkan oleh Jabatan akan dimaklumkan keputusannya dalam tempoh dua minggu selepas tarikh tamat penerimaan permohonan.

5. Permohonan untuk mengikuti kursus-kursus di Institut Latihan Perhutanan (FORTRAIN), Kepong dan Pusat Latihan Perhutanan, Terengganu akan dimaklumkan keputusannya dalam tempoh satu bulan selepas tarikh temuduga.

6. Semua laporan kemajuan projek pembangunan hutan akan dikemukakan kepada agensi pusat tidak lewat dari tarikh yang ditetapkan.

7. Keputusan tawaran pelaksanaan projek pembangunan hutan akan dimaklumkan tidak lewat dari empat bulan selepas tawaran dikeluarkan.

8. Tindakan untuk mengemukakan dokumen bagi bayaran kemajuan kontrak ke Perbendaharaan akan diambil dalam tempoh satu bulan dari tarikh permohonan diterima sekiranya semua syarat-syarat yang ditetapkan dipenuhi.

9. Bon pelaksanaan kontrak akan dilepaskan dalam tempoh satu bulan selepas tamat tempoh bon tersebut.

10. Semua aduan berhubung perkhidmatan perhutanan akan diambil tindakan dalam tempoh tiga hari dari tarikh aduan diterima.

## *Client's Charter FDPMHq*

1. *All requests for information on management, development and conservation of forest resources as well as forest industries shall be entertained within one week from the date such requests were made except for information not readily available in the Department.*

2. *Technical advice on management, development and conservation of forest resources, as well as forest industries shall be forwarded within two weeks from the date such requests were made except for matters requiring specific studies.*

3. *All requests for unrestricted publications shall be distributed within two weeks from the date such requests were made.*

4. *All applications to attend in-service training organised by the Department shall be notified within two weeks after the closing date for such applications.*

5. *All applications to attend courses at the Forestry Training Institute (FORTRAIN) in Kepong and the Forestry Training Centre in Terengganu shall be notified within one month after the dates of interviews.*

6. *All progress reports on forest development projects shall be submitted to the central agency not later than the date stipulated.*


7. *Results of tenders for the implementation of forest development projects shall be made known not later than four months after such tenders were issued.*

8. *Actions to forward the contract progress payment documents to the Treasury shall be undertaken within one month from the date of application provided all conditions are fulfilled.*

9. *Performance bonds shall be released within one month after the expiry date of such bonds.*

10. *All complaints pertaining to forestry services shall be acted upon within three days after such complaints were received.*

# PIAGAM PELANGGAN JPN
*Client's Charter SFD*




Nota / *Note*

* - Kecuali bagi JPN Johor, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Perak
*Except for Johor, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Perak SFD*

** - Kecuali bagi JPN Pulau Pinang
*Except for Pulau Pinang SFD*

# LOGO JPSM

*JPSM Logo*




Pola pokok-pokok yang berganda seperti yang digambarkan melalui susunan tiga pokok adalah bagi memaparkan pengurusan hutan yang terurus yang membolehkan pembangunan ekonomi yang mampan. Konfigurasi yang menaik memaparkan pengeluaran yang bertambah dan seterusnya mengukuhkan lagi keberkesanan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dalam usahanya untuk menzahirkan sistem pengurusan dan pemeliharaan hutan yang terus memberi manfaat kepada Negara dari segi ekonomi dan ekologi.

*A pattern of multiplying trees (i.e. the three succeeding trees) evocative of regulated forest conservation that allows for sustainable economic development carefully balanced by forestry management per excellence. A slight incline in the configuration that denotes a crescendo in production, further reinforcing the effectiveness of the Forestry Department Peninsular Malaysia (FDPM) in its concerned efforts to perpetuate a system that is ecologically, and economically, beneficial.*

# LAGU JPSM


*JPSM Song*

## Warisan Hijau

**Kau tumbuh menghijau**
**Melindungi gunung dan danau**
**Warisan tanahairku**
**Berbangga segala jasamu**
**Sejuknya terasa**
**Hembusan bayu yang nyaman**
**Gagah tegak berdiri**
**Terunggul sekitar alam**
**Bersama selamatkan hutan**
**Bersama menjaga indahnya**
**Warisan hijau masa hadapan**
**Kekal selamanya**
**Inilah wawasan**
**Meresap ke sanubari**
**Usaha terus membara**
**Hutan nikmat Ilahi**

**Lagu: S.Omar Osman**
**Lirik: Hj. Mat Salleh bin Tambong**
**Gubahan Lagu: Delly Talib**

**WARISAN HIJAU**
(Rentak March)





# PERANAN BAHAGIAN/UNIT

*Role of Division/Unit*

***Jewel orchid***






Kawasan HSK diuruskan di bawah prinsip pengurusan hutan secara berkekalan untuk kepentingan ekonomi, sosial dan alam sekitar.
*These PRFs are managed under the sustainable forest management principles practices for economic, social and environmental benefits.*

**Keluasan negeri Semenanjung Malaysia**
*Peninsular Malaysia's total state area*




**13.18 juta ha /**
*million hectares*

**Kawasan berhutan Semenanjung Malaysia**
*Forested land in Peninsular Malaysia*



**5.73 juta ha /**
*million hectares*

**Kawasan berhutan yang telah diwartakan sebagai Hutan Simpanan Kekal (HSK) di bawah Akta Perhutanan Negara, 1984**
*Forested area has been gazetted as Permanent Reserved Forest (PRFs) under the National Forestry Act, 1984*



**4.85 juta ha /**
*million hectares*

# AKTIVITI PENGURUSAN SUMBER HUTAN
*Forest Resource Management Activities*

Sumber hutan asli di dalam HSK yang terdiri daripada hutan darat, hutan paya gambut dan hutan paya laut telah diuruskan secara sistematik selama 123 tahun semenjak 1901.
*Natural forest resources especially those found within the PRFs areas which includes inland forest, peat swamp forest and mangrove forest have been managed systematically for the last 123 years since the year 1901.*









# PENSIJILAN PENGURUSAN HUTAN
*Forest Management Certification*

Satu aktiviti yang penting di peringkat antarabangsa, khususnya dalam perdagangan produk kayu-kayan.
*An important activity at the international level, especially in the trade of timber products*

Satu pengiktirafan sepenuhnya pematuhan kepada amalan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (PHSB) di dalam Kawasan HSK di negeri-negeri Semenanjung Malaysia yang diuruskan untuk tujuan pengeluaran kayu-kayan.
*In recognition of the full adherence to Sustainable Forest Management (SFM) practices in PRFs in the states of Peninsular Malaysia being managed for timber production.*

# PENGURUSAN HUTAN MAMPAN (MC&I SFM)
*Sustainable Forest Management*

Standard terkini yang digunakan bagi pelaksanaan Pensijilan Pengurusan Hutan (MC&I) di peringkat FMU di Malaysia adalah Kriteria dan Petunjuk Malaysia untuk Pengurusan Hutan Mampan (MC&I SFM) yang telah digunapakai sepenuhnya bermula pada 1 September 2021 yang menggantikan standard Kriteria dan Petunjuk Malaysia untuk Pensijilan Pengurusan Hutan (Hutan Asli) [MC&I (Hutan Asli)].
*The latest standard used for the implementation of Forest Management Certification (MC&I) at the FMU level in Malaysia is the Malaysian Criteria and Indicators for Sustainable Forest Management (MC&I SFM) which has been fully adopted starting 1st September 2021 that replaces the Malaysian Criteria and Indicators for Forest Management Certification (Natural Forest) [MC&I (Natural Forest)].*

## TUJUH (7) **FMU**




mengekalkan Sijil Pengurusan Hutan di bawah skim MTCS.
*has managed to retain the Certificate for Forest Management under MTCS.*

## KELUASAN HSK DAN CADANGAN HSK
***PRF Area and Proposed PRF***

**4,936,778 ha**

**Pewartaan HSK /** *Gazettement of PRF*
**4,853,170 ha**

**Cadangan HSK /** *Proposed PRF*
**83,608 ha**

# PENGURUSAN SUMBER HUTAN
*Management of Forest Resources*

**1,099 km**
**Mengukur dan Menanda Sempadan Luar HSK**
*Survey and Marking of PRF Outside Boundary*

**22,923 ha**
**Inventori Sebelum Tebangan**
*Pre-Felling Inventory*

**20,941 ha**
**Penandaan Pokok**
*Tree Marking*

# KAWASAN DILESENKAN UNTUK PENGUSAHASILAN 2024
*Area Licensed for Harvesting 2024*

**Keluasan Tahunan HSK Dibuka untuk Pengusahasilan di bawah CTT**
*Total Area of PRF Opened for Harvesting Under AAC*
**19,362 ha**
**45.7%**

**Keluasan Tahunan HSK Dibuka untuk Pengusahasilan di luar CTT***
*Total Area of PRF Opened for Harvesting Outside AAC**
*Keluasan HSK yang diusahahasil secara tebang habis untuk tujuan pembangunan, perladangan hutan dan penyelidikan.
**PRF clear-felled for development, forest Plantation and research.*
**11,907 ha**
**28.1%**

**Jumlah Kawasan yang Dilesenkan untuk Pengusahasilan Tahun 2024**
***Total Area Licensed for Harvesting in 2024***
**42,340 ha**
**100%**

**Hutan Tanah Kerajaan**
*State Land Forest*
**2,714 ha**
**6.4 %**

**Tanah Berimilik**
*Alienated Land*
**8,357 ha**
**19.7%**

# PEMBANGUNAN SUMBER HUTAN
*Forest Resource Development*

## Peruntukan dan Perbelanjaan Pembangunan Hutan 2024
## *Forest Development Allocation and Expenditure 2024*

**Persekutuan / *Federal***

| | | Peratus / *Percent* (%) |
|---|---|---|
| **Peruntukan / *Allocation* (RM)** | **RM40,777,119** | **99.7%** |
| **Perbelanjaan / *Expenditure* (RM)** | **RM40,641,069** | |

**Negeri / *State**

| | | Peratus / *Percent* (%) |
|---|---|---|
| **Peruntukan / *Allocation* (RM)** | **RM97,160,321** | **85.2%** |
| **Perbelanjaan / *Expenditure* (RM)** | **RM82,744,923** | |

**Jumlah / *Total***

| | | Peratus / *Percent* (%) |
|---|---|---|
| **Peruntukan / *Allocation* (RM)** | **RM137,937,440** | **89.5%** |
| **Perbelanjaan / *Expenditure* (RM)** | **RM123,385,992** | |

Nota / *Note* : *Termasuk Projek Pembangunan dan KWPH / *Include Development Project and KWPH*

## Silvikultur dan Pemuliharaan Hutan
## *Silviculture and Forest Rehabilitation*

**13,287 ha**
**Inventori Hutan Selepas Tebangan**
*Post-Felling Forest Inventory*

**2,210 ha**
**Memotong Akar/Pepanjat**
*Cutting of Lianas*

**475 ha**
**Tanaman Mengaya, Tanaman Kawasan Terosot dan Tanaman Kawasan Lapang**
*Enrichment Planting, Degraded Land Planting and Open Space Planting*

**193,150**
**anak benih** / *seedlings*
**Pengeluaran Biji Benih daripada Tapak Semaian Jabatan**
*Seedlings raised from Department's Nursery*

**110,625**
**pokok** / *trees*
**Program Restorasi, Tebus Guna dan Pemulihan Kawasan Hutan Terosot di Semenanjung Malaysia (3RSM)**
*Restoration, Reclaimation and Rehabilitation of Degraded Forest Area in Peninsular Malaysia (3RSM)*

# PERHUTANAN MASYARAKAT / *Community Forestry*



**Taman Eko-Rimba dan Hutan Taman Negeri**
***Forest Eco-Park and Forest State Park***

**128**

# PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN ALAM SEKITAR
*Environmental Conservation and Rehabilitation*

Program Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-Spesies yang Sesuai di Pesisiran Pantai Negara.
*Programme for the Planting of Mangroves and Other Suitable Tree Species Along the National Coastline.*

**8.99**
**juta /** *million*

Jumlah Penanaman Anak Pokok (2005-2024)
*Total Seedlings Planted (2005-2024)*

**3,802**
**ha /** *hectares*

Keluasan Kawasan Penanaman (2005-2024)
*Planting area (2005-2024)*

**1,040,127**
**pokok/** *trees*

Tanaman Pokok Bakau dan Spesies-Spesies Yang Sesuai di Pesisiran Pantai Negara 2024
*Planting with Mangroves and Other Suitable Tree Species Along the National Coastline 2024*

**34**
**kempen /** *campaigns*

Kempen Kesedaran di Seluruh Negara Tahun 2024
*Awareness Campaign Programme Throughout Country 2024*



Kempen ini melibatkan pelbagai lapisan masyarakat yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran awam terhadap kepentingan hutan pesisiran pantai serta memupuk semangat "milik bersama" terhadap kesejahteraan alam sekitar.
*This campaign involved various communities with the purpose to enhance public awareness on the importance of coastal forest as well as to instil the spirit of 'shared ownership' for environmental wellbeing*

Sesi Ke-38 Persidangan United Nations Educational, Scientific and Cultural Organisation (UNESCO) pada 6 November 2015 di Paris telah mengisytiharkan tarikh 26 Julai setiap tahun sebagai Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa.
*The 38th Session of the United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) Conference on 6 November 2015 in Paris has declared 26 July each year as the International Mangrove Forest Ecosystem Conservation Day.*




Laporan Tahunan Program Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-Spesies yang Sesuai di Pesisiran Pantai Negara 2023.
*Annual Report of the Planting of Mangroves and Other Suitable Tree Species Along the National Coastline 2023.*

# PEMBANGUNAN MODAL INSAN
*Human Capital Development*



**89** kursus *course*

**Kursus dan Latihan Anjuran IPJPSM**
*Course and Training Programme organised by FPDMHq*

**Kursus & Lawatan Rasmi Luar Negara**
*Abroad Training & Official Visits*

**37** kursus *course*

**6** kursus *course*

**Kursus Pembalakan dan Pengusahasilan kepada Pihak Swasta**
*Logging and Harvesting Course to Private Sectors*

**Kursus dan Latihan**
*Courses and Training*

**2,456** peserta / *participants* **(Kakitangan / *staff*)**

**1,051** peserta / *participants* **(orang awam / *public*)**

**90** pelatih *trainees*

**Kursus Sijil Perhutanan Pengawas Hutan Sesi 2024-2025**
*Forestry Forester Certificate Course*

**Kursus Sijil Perhutanan Renjer Hutan Sesi 2024-2026**
*Forestry Forest Ranger Certificate Course*


**24** pelatih *trainees*

**114** pelatih *trainees*


**Tamat Latihan bagi Kursus Sijil Perhutanan Renjer Hutan (Sesi 2022-2024) dan Kursus Sijil Pengawas Hutan (Sesi 2023-2024)**
*Complete Training for Forest Rangers Forestry Certificate (Session 2022-2024) and Forester Certificate Course (Session 2023-2024)*

# KES KESALAHAN HUTAN
*Forest Offenses*


01
**Kesalahan Hutan Lain**
*Other Forest Offenses*
**256 kes/***Cases*



02
**Pembalakan Haram**
*Illegal Logging*
**32 kes/***Cases*



03
**Kutipan Kompaun**
*Collection of Compound*
**RM2,614,678.16**



# PUBLISITI DAN PENGEMBANGAN HUTAN
*Publicity and Dissemination of Information on Forestry*

**Penerbitan /** *Publication* **4**



**Pameran /** *Exhibitions* **14**



# SOSIOEKONOMI
*Socioeconomic*

**Bilangan Industri Berasas Kayu Utama 2024**
*Number of Major Wood-Based Industries 2024*

Kilang Papan
*Sawmills*
**659**

Kilang Papan Lapis/Venir
*Plywood/Veneer Mills*
**68**

Kilang Kayu Kumai
*Moulding Mills*
**104**



Kilang Papan Blok*
*Blockboard Mills**
**17**

Kilang Papan Serpai/ Papan Serpih*
*Chipboard/Particleboard Mills**
**41**

Kilang Papan Gentian Sederhana Padat (MDF)*
*Medium Density Fibreboard (MDF)* Mills*
**54**

Kilang Perabot/Pertukangan dan Tanggaman*
*Furniture/Wood Working and Joinery Mills**
**687**

*Sumber dari LPKM / *Source from MTIB*


**Sumbangan Sosioekonomi**
*Socioeconomic Contributions*

# Sumbangan Sektor Perhutanan

*The Forestry Sector Contributed*



**RM6.62**
**bilion /** *billion*
**atau 0.3%**
**daripada**
*or 0.3% of*




Jumlah Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia dalam tahun 2024

*Malaysia's Gross Domestic Product (GDP) in 2024*

**Perdagangan Produk Kayu-Kayan**
*Timber Product Trade*

## Jumlah pendapatan eksport produk kayu-kayan Malaysia


*The total export earnings of Malaysian timber products*

telah mengalami peningkatan
*increase of*

**5%**

**RM22.92**
**bilion /** *billion*

berbanding RM21.82 billion pada tahun 2023
*as compared to RM21.82 billion in 2023*




Jumlah eksport produk kayu-kayan di Semenanjung Malaysia mengalami penurunan sebanyak 0.97% kepada RM4.90 billion berbanding RM4.96 billion pada tahun 2023.
*The total export of timber products for Peninsular Malaysia decreased of 0.97% to RM4.90 billion as compared to RM4.96 billion in 2023*




**0.97%**

Jumlah Pelaburan dalam Industri Kayu Gergaji, Papan Lapis dan Kayu Kumai di Semenanjung Malaysia
*The total investment in the Sawmill, Plywood and Moulding Industries in Peninsular Malaysia*

**2023**
**RM2.32**
**bilion /** *billion*



**2024**
**RM2.09**
**bilion /** *billion*

**9.94%**



# 06

# SOROTAN PERISTIWA IBU PEJABAT JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

*FORESTRY DEPARTMENT OF PENINSULAR MALAYSIA HEADQUARTERS EVENT HIGHLIGHTS*

# 2024

HS Ulu Langat, Selangor

**5 Mac 2024 /** *March*






Kursus Penggunaan Sistem Perhutanan [Sistem Inventori Hutan Nasional Paya Laut (IHNPL)] bertempat di Bilik Latihan BPM, IPJPSM

*Training Course on the Application of the Forestry System [National Mangrove Forest Inventory System (IHNPL)] held at the BPM Training Room, FDPMHq*

**22 April 2024 /** *April*





Pelancaran Garis Panduan Jalan Hutan (GPJH) 2024 sempena Majlis Perhimpunan Bulanan IPJPSM Bil. 4/2024 di Dewan Damar Minyak, IPJPSM

*Launch of the Forest Road Guidelines (GPJH) 2024 in conjunction with the FDPMHq Monthly Assembly No. 4/2024 at Dewan Damar Minyak, FDPMHq*

**25, 26 & 29 April 2024/** *April*







Kursus Aplikasi Peralatan GNSS dan Perisian GIS dalam Perhutanan bertempat di Bilik Latihan BPM, IPJPSM

*Training Course on the Application of GNSS Equipment and GIS Software in Forestry held at the BPM Training Room, FDPMHq*

**30 April 2024 /** *April*







Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Kebangsaan Tahun 2024 bertempat di Bulatan Sultan Azlan Shah, Bandar Meru Raya, Ipoh, Perak

*National-Level International Day of Forests 2024 Celebration held at Sultan Azlan Shah Roundabout, Bandar Meru Raya, Ipoh, Perak*

**29 Mei 2024** / *May*







Pengoperasian Teknik Pembiakan Tampang melalui Kultur Tisu di Makmal Teknologi Biji Benih, Pusat Perolehan Biji Benih dan Bahan Tanaman Lentang, Pahang

*Operation of Vegetative Propagation Technique through Tissue Culture at the Seed Technology Laboratory, Seed and Planting Material Procurement Centre, Lentang, Pahang*

**30 Mei 2024** / *May*










Penyerahan Sijil Khas Menteri Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam bersempena Majlis Anugerah Kecemerlangan & Lestari Budi Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam bertempat di Bangi *Avenue Convention Centre*

*Presentation of the Minister's Special Certificate of the Ministry of Natural Resources and Environmental Sustainability in conjunction with the Ministry 's Excellence & Lestari Budi Awards Ceremony at Bangi Avenue Convention Centre*



**31 Mei - 02 Jun 2024 /** *May – June*






Pameran sempena *The Great Outdoor Expo* 2024 di Pusat Konvensyen Setia City, Shah Alam

*Exhibition in conjunction with The Great Outdoor Expo 2024 at Setia City Convention Centre, Shah Alam*




**28 Jun - 30 Jun 2024 /** *June*






Pameran Bahagian *Forest Eco-Park* dan Hutan Taman Negeri sempena Outdoor Expo Malaysia di Pusat Konvensyen Setia City, Shah Alam

*Exhibition by the Forest Eco-Park and State Park Division in conjunction with the Outdoor Expo Malaysia at Setia City Convention Centre, Shah Alam*

**11 Julai 2024 /** *July*







Kursus Keurusetiaan MyMesyuarat bertempat di Bilik Latihan BPM, IPJPSM

*MyMesyuarat Secretariat Course held at the BPM Training Room, FDPMHq*

**18 Julai 2024 /** *July*







Kursus Penggunaan E-mel MyGovUC 3.0 bertempat di Bilik Latihan BPM, IPJPSM

*MyGovUC 3.0 Email Usage Course held at the BPM Training Room, FDPMHq*

**24 - 25 Julai 2024 /** *July*








Kursus Pemantapan Penggunaan Imej *Remote Sensing* dan Maklumat Spatial dalam Pemantauan Sumber Hutan Secara *Web-Based* Tahun 2024 bertempat di Bilik Latihan BPM, IPJPSM

*Course on Strengthening the Use of Remote Sensing Images and Spatial Information in Web-Based Forest Resource Monitoring 2024, held at the BPM Training Room, FDPMHq*

**25-26 Julai 2024 /** *July*





Seminar Kebangsaan Hutan Paya Laut dan Pesisiran Pantai Tahun 2024 dan Sambutan Hari Konservasi Ekosistem Paya Laut Antarabangsa Peringkat Kebangsaan bertempat di Hotel Hilton Kuching, Sarawak

*National Seminar on Mangrove and Coastal Forests 2024 and National-Level Celebration of the International Day for the Conservation of the Mangrove Ecosystem held at Hilton Hotel, Kuching, Sarawak*

**2 - 29 Julai 2024 /** *July*





Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi di Hutan Simpan Bukit Jernih, Perlis

*Scientific Expedition on Biodiversity at Bukit Jernih Forest Reserve, Perlis*

**10 Ogos 2024 /** *August*





Taklimat Biji Benih dan Pembiakan Tampang kepada Komuniti *Our Lady of Fatima* bertempat di Makmal Teknologi Biji Benih, Pusat Perolehan Biji Benih dan Bahan Tanaman Lentang, Pahang

*Seeds and Vegetation Propagation briefing for the Our Lady of Fatima Community, held at the Seed Technology Laboratory, Seed and Planting Material Procurement Centre, Lentang, Pahang*

**19 - 22 Ogos 2024 /** *August*





Bengkel Penulisan Panduan Kutipan Biji Benih di Silara Pokok dan Garis Panduan Pensijilan Bahan Tanaman JPSM 2024 bertempat di Dorsett Hotel, Putrajaya

*Writing Workshop on the Guidelines for Seed Collection at Tree Silara and the Planting Material Certification Guidelines JPSM 2024, held at Dorsett Hotel, Putrajaya*

**19 - 20 Ogos 2024 /** *August*







Lawatan Ke Pusat Pemantauan (*War Room*) serta Kursus GIS (Penggunaan FMRS dan Planet dalam Penguatkuasaan Hutan) Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan bertempat di Bilik Latihan BPM, IPJPSM

*Visit to the Monitoring Centre (War Room) and GIS Course (Utilisation of FMRS and Planet in Forest Enforcement) by the Negeri Sembilan State Forestry Department held at the BPM Training Room, FDPMHq*




**20 - 22 Ogos 2024 /** *August*





Bengkel Migrasi dan Mitigasi PSOH bertempat di Puteri Bay Hotel, Melaka

*PSOH Migration and Mitigation Workshop held at Puteri Bay Hotel, Melaka*

**21 - 22 Ogos 2024 /** *August*







Lawatan Ke Pusat Pemantauan (*War Room*) Dan Kursus GIS (Penggunaan FMRS Dan Planet Dalam Penguatkuasaan Hutan) Jabatan Perhutanan Negeri Pahang bertempat di Bilik Latihan BPM, IPJPSM

*Visit to the Monitoring Centre (War Room) and GIS Course (Utilisation of FMRS and Planet in Forest Enforcement) by the Pahang State Forestry Department held at the BPM Training Room, FDPMHq*

**28 Ogos 2024 /** *August*




Program Permukiman Projek Perhutanan Sosial di Ulu Chepor, Hutan Simpan Kledang Saiong, Perak bertempat di Ulu Chepor, Hutan Simpan Kledang Saiong, Perak

*Social Forestry Retreat Programme in Ulu Chepor, Kledang Saiong Forest Reserve, Perak*













**02 - 06 September 2024** / *September*





Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Gunung Nuang bertempat di Hutan Simpan Ulu Langat, Selangor

*Scientific Expedition on the Biological Diversity of Mount Nuang at Ulu Langat Forest Reserve, Selangor*

**05 - 09 September 2024** / *September*





Persidangan Pengarah-pengarah Perhutanan Negeri Semenanjung Malaysia (PPNSM) ke-44 bertempat di Hotel Seri Malaysia Kangar, Perlis

*The 44th Conference of State Forestry Directors of Peninsular Malaysia (PPNSM) at Hotel Seri Malaysia Kangar, Perlis*






**08- 10 September 2024 /** *September*







Program Pemukiman Pengurusan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia 1.0 Tahun 2024 di PD Forest Sungai Menyala, Negeri Sembilan

*Department Forestry of Peninsular Malaysia Management Retreat 1.0 Programme 2024 at PD Forest, Sungai Menyala, Negeri Sembilan*

**17 - 21 September 2024 /** *September*





Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi di Hutan Simpan Gunung Arong, Mersing

*Scientific Expedition on Biodiversity at Gunung Arong Forest Reserve, Mersing*

**24 September 2024 /** *September*







Majlis Penganugerahan Sijil Perhutanan Pengawas Hutan Sesi 2023-2024 Ke 36 bertempat di Dewan Alwy, Bahagian Latihan Perhutanan

*The 36th Forestry Certificate Award Ceremony for Forester for the 2023–2024 session held at Alwy Hall, Forestry Training Division*

**7 - 11 Oktober 2024 /** *October*





Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi di Hutan Simpan Hulu Terengganu Tambahan, Kuala Berang, Terengganu

*Scientific Expedition on Biodiversity at Hulu Terengganu Tambahan Forest Reserve, Kuala Berang, Terengganu*

**21 Oktober 2024 /** *October*









Seminar Penghijauan Malaysia: Status, Inovasi dan Hala Tuju bertempat di *Temu Hall*, Menara Kuala Lumpur

*Malaysian Greening Seminar: Status, Innovation and Way Forward at Temu Hall, Kuala Lumpur Tower*

**28 - 30 Oktober 2024 /** *October*




Persidangan Perhutanan Malaysia ke-20 bertempat di *Sabah International Convention Centre*, Kota Kinabalu, Sabah

*The 20th Malaysian Forestry Conference is held at Sabah International Convention Centre, Kota Kinabalu, Sabah*



**16 November 2024 /** *November*







Program Khidmat Masyarakat "Penghijauan dan Pemuliharaan Paya Bakau" di Kompleks Makanan Laut (KOMALAUT), Kuala Perlis, Perlis

*Community Service Programme "Greening and Conservation of Mangrove" at the Seafood Complex (KOMALAUT), Kuala Perlis, Perlis*

**25 - 27 November 2024 /** *November*







Program Pengurusan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia 2.0 Tahun 2024 di Hotel Casuarina @ Meru, Ipoh, Perak

*Department Forestry of Peninsular Malaysia Management Retreat 2.0 Programme 2024 at Hotel Casuarina @ Meru, Ipoh, Perak*

**10 Disember 2024 /** *Dicember*







Majlis Penyempurnaan Penanaman Pokok Ke-100 Juta oleh YAB Perdana Menteri di Taman Herba, Bangunan Parlimen Malaysia

*The Completion Ceremony of the 100 Millionth Tree Planting by the Prime Minister at the Herb Garden, Parliament Building of Malaysia*









*Thismia aseroe*



# 07
# ARKITEL
*ARTICLES*

# Artikel 1: *Harmonizing Forestry with Sustainability*: Sorotan Persidangan Perhutanan Malaysia ke-20

*Article 1:*

*Harmonizing Forestry with Sustainability: A Highlight of the 20th Malaysian Forestry Conference*

**Perhimpunan Agung Warga Perhutanan Malaysia**

Persidangan Perhutanan Malaysia (MFC) ke-20 telah berjaya diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah, Kota Kinabalu, dari 28 hingga 30 Oktober 2024. Bertemakan **Mengharmonikan Perhutanan dengan Kelestarian"** (*Harmonizing Forestry with Sustainability*), acara ini merupakan platform penting bagi warga perhutanan dari Semenanjung Malaysia, Sabah, dan Sarawak. Seramai 450 peserta, termasuk agensi penyelidikan, institusi pengajian tinggi awam dan swasta, serta pertubuhan bukan kerajaan, telah mengambil bahagian untuk bertukar-tukar idea, maklumat, dan pengalaman dalam tadbir urus, pengurusan, perancangan, dan pembangunan sektor perhutanan negara pada masa kini.

***A Grand Gathering of Malaysian Forestry Personnel***

*The 20th Malaysian Forestry Conference (MFC) was successfully held at the Sabah International Convention Centre in Kota Kinabalu from 28 to 30 October 2024. With the theme* ***"Harmonizing Forestry with Sustainability,"*** *the event served as a crucial platform for forestry personnel from Peninsular Malaysia, Sabah, and Sarawak. A total of 450 participants, including research agencies, public and private higher education institutions, and non-governmental organisations, attended to exchange ideas, information, and experiences related to the governance, management, planning, and development of the national forestry sector.*



**Isu Semasa Perhutanan Global dalam Fokus**

Persidangan ini menampilkan enam sub-tema yang dibincangkan secara serentak meliputi isu-isu kritikal dalam bidang perhutanan iaitu:

01 Rangka Kerja Dasar & Tadbir Urus

02 Kerjasama & Perkongsian Antarabangsa

03 Mitigasi & Adaptasi Perubahan Iklim

04 Pemuliharaan Biodiversiti

05 Perladangan di dalam & luar Hutan

06 Penglibatan Komuniti & Pihak Berkepentingan

***Global Forestry Issues in Focus***

*The conference featured six sub-themes that were discussed simultaneously, covering critical issues in forestry. These sub-themes were:*

01 *Policy & Governance Framework*

02 *International Cooperation & Partnership*

03 *Climate Change Mitigation & Adaptation*

04 *Biodiversity Conservation*

05 *Plantations in Forests & Beyond*

06 *Community Involvement & Stakeholders*






Sebanyak 24 kertas kerja telah dibentangkan, di samping pameran 30 poster. Selain itu, 13 kertas informasi turut dimuat naik secara maya di laman web persidangan.

*A total of 24 papers were presented, along with an exhibition of 30 posters. Additionally, 13 information papers were uploaded virtually to the conference website.*

**Komitmen dan Resolusi untuk Masa Depan Hutan**

***Commitment and Resolutions for the Future of Forests***

Hasil persidangan ini adalah Resolusi MFC ke-20, yang mengandungi **enam (6) resolusi utama dan 20 sub-resolusi**. Resolusi-resolusi ini telah dipersetujui oleh para peserta untuk dijadikan tindakan susulan. Perkembangan resolusi ini akan dilaporkan pada Persidangan Perhutanan Malaysia ke-21, yang akan dipengerusikan oleh Jabatan Hutan Sarawak.

*A key outcome of the conference was the presentation of the 20th MFC Resolutions, which comprised **six (6) main resolutions and 20 sub-resolutions**. These resolutions were approved by the participants for follow-up actions. The progress of these resolutions will be reported at the 21st Malaysian Forestry Conference, which will be chaired by the Sarawak Forestry Department.*

Kehadiran Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) yang merasmikan persidangan, serta Ketua Menteri Sabah yang merasmikan Majlis Makan Malam, jelas menunjukkan komitmen kukuh kerajaan Persekutuan dan Negeri terhadap pengurusan sektor perhutanan.

*The presence of the Secretary-General of the Ministry of Natural Resources and Environmental Sustainability (NRES) who officiated the conference, as well as the Chief Minister of Sabah who officiated the Closing Dinner, clearly demonstrates the strong commitment of both the Federal and State governments towards the management of the forestry sector.*

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia telah menghantar seramai 99 orang pegawai dan kakitangan yang menyertai persidangan sebagai peserta, pembentang kertas kerja serta pempamer.

*The Forestry Department of Peninsular Malaysia participated a total of 99 officers and staff who participated in the conference as delegates, paper presenters, and exhibitors*

**Hubungan dan Kerjasama Merentas Wilayah**

Selain sesi ilmiah, persidangan ini turut mengadakan acara sukan seperti golf, bola sepak, dan boling untuk mengeratkan silaturahim antara kakitangan perhutanan dari ketiga-tiga wilayah. Aktiviti sampingan ini menunjukkan bahawa hubungan profesional dan peribadi adalah sama penting dalam membina semangat kerjasama.

Secara keseluruhannya, Persidangan Perhutanan Malaysia masih relevan dan perlu diteruskan sebagai forum perhutanan tertinggi di peringkat nasional. Penglibatan lebih ramai pegawai dan kakitangan amatlah digalakkan bagi memastikan agenda pembangunan perhutanan negara sentiasa diperkasakan.

***Cross-Regional Relationships and Cooperation***

*In addition to the academic sessions, the conference also hosted sports events such as golf, football, and bowling to strengthen camaraderie among forestry staff from the three regions. These side activities highlight that professional and personal relationships are equally important in building a spirit of cooperation.*

*Overall, the Malaysian Forestry Conference remains relevant and should be continued as the highest national forestry forum. The involvement of more officers and staff is highly encouraged to strengthen and sustain the national forestry development agenda.*



***Nepenthes gracilis***

# Artikel 2: Pentingnya Data Hutan: Inventori Hutan Nasional Ke-VI

*Article 2: The Importance of Forest Data: The VI National Forest Inventory*

**Mengapa Inventori Hutan Penting?**

Pernahkah kita terfikir bagaimana pihak berkuasa menguruskan hutan di Semenanjung Malaysia dengan berkesan? Jawapannya terletak pada satu proses penting iaitu Inventori Hutan Nasional (IHN). IHN merupakan aktiviti pengumpulan maklumat sumber hutan di lapangan yang dilaksanakan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM). Tujuannya adalah untuk membantu JPSM merancang, mengurus, dan membangunkan perhutanan dengan lebih komprehensif dan efisien.

Proses ini bukanlah sesuatu yang baharu. JPSM telah menjalankan IHN secara berterusan setiap sepuluh tahun sejak tahun 1970-an. IHN ke-VI (IHN-6), yang dijalankan bermula dari tahun 2020 hingga 2023, adalah siri inventori terbaru yang bertujuan mengemas kini data kuantitatif dan kualitatif sumber hutan di Semenanjung Malaysia.

**Apa yang dicari dalam Inventori Ini?**

Objektif Inventori Hutan Nasional Ke-VI adalah untuk:

I. Menyediakan maklumat sumber hutan yang terkini di peringkat nasional bagi tujuan pengurusan perancangan hutan.

II. Sebagai mekanisma kawalan pengurusan hutan secara berkekalan di peringkat nasional.

III. Menyediakan maklumat tambahan berhubung dengan sumber dan pertumbuhan hutan di Semenanjung Malaysia.

IV. Menyediakan maklumat seperti keluasan pangkal dan isipadu pokok berdiri, taburan tumbuhan ubatan, rotan, buluh, palma, dan lain-lain maklumat biomas.

V. Menganggarkan kandungan isipadu kasar dan bersih dirian hutan mengikut kelas-kelas berdiameter dan jenis/kumpulan kayu, dan kawasan-kawasan yang berpotensi untuk diusahasilkan.

VI. Menganggarkan nilai stok karbon dalam kawasan berhutan di Semenanjung Malaysia.

***Why is a Forest Inventory Important?***

*Have you ever wondered how authorities effectively manage the forests in Peninsular Malaysia? The answer lies in a crucial process known as the National Forest Inventory (NFI). The NFI is a field-based activity for collecting forest resource information, carried out by the Forestry Department of Peninsular Malaysia (FDPM). Its purpose is to assist the FDPM in more comprehensive and efficient forestry planning, management, and development.*

*This process is not new; the FDPM has been conducting the NFI every ten years since the 1970s. The VI NFI (NFI-6), conducted from 2020 to 2023, is the most recent series aimed at updating the quantitative and qualitative data of forest resources in Peninsular Malaysia.*

**What Does This Inventory Look For?**

*The objective of the VIth National Forest Inventory is to:*

*I. Provide the latest forest resource information at the national level for forest planning and management.*

*II. Serve as a control mechanism for sustainable forest management at the national level.*

*III. Provide additional information on forest resources and growth in Peninsular Malaysia*

*IV. Provide information such as the basal area and volume of standing trees, the distribution of medicinal plants, rattan, bamboo, palms, and other biomass information.*

*V. Estimate the gross and net volume content of forest stands based on diameter classes and wood types/groups, as well as areas with potential for exploitation.*

*VI. Estimate the value of carbon stock in forested areas of Peninsular Malaysia.*

**Pelaksanaan dan Hasil Inventori**

Pelaksanaan IHN-6 telah dirancang dan dijalankan sepenuhnya oleh JPSM sendiri. Sebanyak 24 pasukan telah dibentuk di 12 negeri, dengan sejumlah 790 Unit Pensampelan (UP).

Setelah kerja lapangan selesai, JPSM telah melancarkan Buku Laporan Inventori Hutan Nasional Ke-VI pada 24 Oktober 2024. Pelancaran buku ini disempurnakan oleh Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia, YBhg. Dato' Haji Zahari bin Ibrahim sempena Perhimpunan Bulanan IPJPSM Bil. 10/2024 . Laporan ini merupakan rekod penting sumber perhutanan yang diterbitkan oleh JPSM.

Diharapkan laporan ini akan menjadi rujukan utama bagi semua pihak berkepentingan dalam perhutanan, terutamanya untuk perancangan, pengurusan, dan pembangunan sumber hutan negara. Ini menunjukkan betapa pentingnya data yang tepat dan terkini dalam memastikan kelestarian hutan kita untuk generasi akan datang.

***Implementation and Results of the Inventory***

*The implementation of NFI-6 was fully planned and carried out by the FDPM itself. A total of 24 teams were formed across 12 states, with a total of 790 Sampling Units (UP).*

*Following the completion of the fieldwork, the FDPM launched the VI National Forest Inventory Report Book on 24 October 2024. The book was launched by the Director-General of the Forestry Department of Peninsular Malaysia, YBhg. Dato' Haji Zahari bin Ibrahim, during the FDPM Headquarters Monthly Assembly No. 10/2024.*

*This report is a significant record of forestry resources published by the FDPM. It is hoped that the report will serve as a key reference for all stakeholders in forestry, especially for the planning, management, and development of the country's forest resources. This highlights the importance of accurate and up-to-date data in ensuring the sustainability of our forests for future generation*



# Artikel 3: 100 Juta Pokok: Pokok Kita, Kehidupan Kita
*Article 3: 100 Million Trees: Our Trees, Our Life*

**Langkah Strategik untuk Kelestarian Alam**

Kerajaan Malaysia telah mengambil langkah proaktif dalam memulihara alam sekitar dan menangani isu perubahan iklim melalui **Program Penghijauan Malaysia: Kempen Penanaman 100 Juta Pokok 2021-2025**. Kempen ini diterajui oleh Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) [dahulu dikenali sebagai Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA)] dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Jabatan Perhutanan Sabah, dan Jabatan Hutan Sarawak. Usaha ini turut disokong oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Yayasan Hijau Malaysia (YHM).

Dengan tema **"Penghijauan Malaysia: Pokok Kita, Kehidupan Kita"**, kempen ini menyasarkan penanaman 100 juta pokok dalam tempoh lima tahun. Kempen ini merupakan sebahagian daripada komitmen Malaysia di peringkat global untuk memulihkan kawasan terosot, seiring dengan saranan *UN Decade on Ecosystem Restoration*.

***A Strategic Step Towards Environmental Sustainability***

*The Government of Malaysia has taken a proactive step in environmental conservation and addressing climate change through* ***the Greening Malaysia Programme: The 100 million Tree-Planting Campaign 2021-2025****. This campaign is led by the Ministry of Natural Resources and Environmental Sustainability (NRES), formerly known as the Ministry of Energy and Natural Resources (KeTSA). It is a collaborative effort with the Forestry Department of Peninsular Malaysia (FDPM), the Sabah Forestry Department, and the Sarawak Forest Department. The campaign is also supported by the Forest Research Institute Malaysia (FRIM) and the Malaysian Green Foundation (YHM).*

*With the theme* ***"Greening Malaysia: Our Trees, Our Life"****, the campaign aims to plant 100 million trees over five years. It is part of Malaysia's global commitment to restoring degraded areas, in line with the recommendations of the UN Decade on Ecosystem Restoration.*

**Objektif dan Matlamat Jangka Panjang**
***Long-Term Objectives and Goals***

**i.** Mengekalkan kawasan hijau di seluruh negara selain memelihara serta memulihara kawasan berhutan.
*To maintain green areas nationwide and to preserve and conserve forested areas.*

**ii.** Meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan pokok dan kawasan berhutan serta memupuk semangat cintakan alam semula.
*To increase awareness of the importance of trees and forested areas and to foster a love for nature.*

**iii.** Merakyatkan komitmen dan semangat pengekalan kawasan litupan hijau sebagai satu agenda nasional.
*To make the commitment and spirit of maintaining green cover a national agenda.*

**iv.** Memastikan komitmen negara untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50% daripada keluasan tanah negara dilitupi dengan kawasan berhutan dan pokok-pokok dapat dicapai.
*To ensure the nation's commitment to maintaining at least 50% of its land area covered by forests and trees is achieved.*

**v.** Menggalakkan penyertaan agensi kerajaan persekutuan/negeri, syarikat swasta dan badan korporat, badan bukan kerajaan, institusi-insitusi pendidikan/penyelidikan dan orang awam dalam usaha penanaman pokok.
*To encourage the participation of federal/state government agencies, private companies and corporate bodies, non-governmental organisations, educational/research institutions, and the public in tree-planting efforts.*

**Kejayaan Awal dan Penglibatan Perdana Menteri**

Kempen ini dilancarkan secara rasmi oleh bekas Perdana Menteri Malaysia, YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin pada 5 Januari 2021 di Putrajaya. Beliau telah menanam pokok Merbau (*Intsia palembanica*), yang merupakan Pokok Kebangsaan Malaysia. Pada majlis yang sama, aplikasi mudah alih dan laman web Penghijauan Malaysia turut dilancarkan untuk memantau kemajuan program. Pelancaran program ini juga telah dilaksanakan secara serentak di seluruh Malaysia secara atas talian di mana YAB Menteri Besar dan Ketua Menteri turut sama melaksanakan aktiviti penanaman pokok sebagai sokongan terhadap pelaksanaan program ini.

Kejayaan cemerlang telah dicapai apabila sasaran 100 juta pokok berjaya ditanam lebih awal daripada jadual, iaitu pada 10 Disember 2024. Pokok ke-100 juta telah ditanam oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim di Taman Botani, Parlimen. Pada 31 Disember 2024, jumlah penanaman telah melebihi sasaran dengan lebih 112.9 juta pokok telah ditanam di seluruh negara.

Pencapaian ini membuktikan komitmen dan kerjasama padu daripada pelbagai pihak daripada agensi kerajaan, NGO, sektor swasta, institusi pendidikan, hingga penglibatan aktif orang awam dalam menyokong agenda penghijauan negara.

***Early Success and Prime Ministerial Involvement***

*The campaign was officially launched by former Malaysian Prime Minister, YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin, on 5 January 2021 in Putrajaya. He planted the Merbau tree (Intsia palembanica), which has been declared Malaysia's National Tree. Simultaneously, a mobile app and the Greening Malaysia website were launched to monitor the programme's progress. The launch was also conducted simultaneously across Malaysia online, with Chief Ministers and Menteri Besar also planting trees in support of the programme.*

*The campaign achieved remarkable success, reaching its target of 100 million trees ahead of schedule on 10 December 2024. The 100 millionth tree was planted by the Prime Minister of Malaysia, YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, at the Parliament Botanical Garden. By 31 December 2024, the total number of trees planted nationwide had surpassed the target, reaching over 112.9 million.*

*This achievement demonstrates the strong commitment and solid cooperation from various parties, including government agencies, NGOs, the private sector, educational institutions, and the active involvement of the public, in supporting the national greening agenda*



1



2

1 Tan Sri Muhyiddin Yassin, Perdana Menteri Malaysia ke-8 menanam Pokok Merbau di perkarangan kediaman rasmi Seri Perdana bersempena dengan Pelancaran Kempen Penanaman 100 Juta Pokok 2021-2025.

*Tan Sri Muhyiddin Yassin, the 8th Prime Minister of Malaysia, planted a Merbau tree at the Seri Perdana official residence compound in conjunction with the launch of the 100 Million Tree-Planting Campaign 2021-2025.*

2 YAB Dato' Sri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia ke-10, menanam Pokok Merbau di Taman Botani, Parlimen bersempena dengan Majlis Penanaman Pokok ke 100 Juta sempena Kempen Penanaman 100 Juta Pokok 2021-2025.

*YAB Dato' Sri Anwar bin Ibrahim, the 10th Prime Minister of Malaysia, planted the 100 millionth Merbau tree at the Parliament Botanical Garden in conjunction with the 100 Million Tree-Planting Campaign 2021-2025*

# Artikel 4: Menyingkap Khazanah Hutan: Ekspedisi Saintifik Biodiversiti 2024

*Article 4: Unveiling the Forest's Treasures – Biodiversity Scientific Expedition 2024*

**Misi Saintifik di Hutan Simpan Kekal Malaysia**

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Jabatan Perhutanan Negeri sekali lagi bekerjasama menganjurkan Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan pada tahun 2024. Ekspedisi tahunan ini bertujuan mengumpul maklumat biodiversiti dari kawasan semula jadi, terutamanya di Hutan Simpanan Kekal (HSK). Ia juga menjadi platform penting bagi para pakar dan penyelidik untuk membentang serta membincangkan hasil penemuan mereka dalam aspek fizikal kawasan, sumber biodiversiti dan produk eko-pelancongan.

***A Scientific Mission in Malaysia's Permanent Reserved Forests***

*The Forestry Department of Peninsular Malaysia, in collaboration with the respective State Forestry Departments, once again organised the 2024 Forest Biodiversity Scientific Expedition. This annual expedition aims to collect biodiversity data from natural areas, particularly within Permanent Reserved Forests (PRFs). It also serves as an important platform for experts and researchers to present and discuss their findings on the physical characteristics of forest areas, biodiversity resources, and eco-tourism products.*

**Pada tahun 2024, sebanyak empat ekspedisi telah dijalankan di lokasi-lokasi berikut:**

- Hutan Simpan (HS) Bukit Jernih, Perlis
- Gunung Nuang, HS Ulu Langat, Selangor
- HS Gunung Arong, Mersing, Johor
- HS Hulu Terengganu Tambahan, Kuala Berang, Terengganu

Ekspedisi ini berlangsung dari bulan Julai hingga September 2024, melibatkan pelbagai peserta dari universiti, jabatan kerajaan, dan Badan Bukan Kerajaan (NGO).

***In 2024, four expeditions were conducted at the following locations:***

- *Bukit Jernih Forest Reserve (FR), Perlis*
- *Gunung Nuang, Ulu Langat FR, Selangor*
- *Gunung Arong FR, Mersing, Johor*
- *Hulu Terengganu Tambahan FR, Kuala Berang, Terengganu*

*These expeditions, held from July to September 2024, brought together participants from universities, government agencies, and Non-Governmental Organisations (NGOs).*

**Penemuan Unik yang Memukau**

Hasil daripada ekspedisi ini, pelbagai penemuan saintifik yang menarik telah direkodkan. **Di HS Gunung Arong, lima jenis strata hutan telah dikenal pasti**, iaitu Hutan Dipterokarpa Pamah, Hutan Kerangas, Hutan Paya Gambut, Hutan Paya Laut, dan Hutan Paya Air Tawar.

***Captivating and Unique Discoveries***

*The expeditions yielded a range of fascinating scientific discoveries.* ***At Gunung Arong FR, five distinct forest strata were identified****, namely Lowland Dipterocarp Forest, Kerangas Forest, Peat Swamp Forest, Mangrove Forest, and Freshwater Swamp Forest.*

Sementara itu, di **Gunung Nuang, HS Ulu Langat**, spesies burung yang penting telah ditemui. Penyelidik merekodkan kehadiran spesies **Enggang badak yang berstatus terdedah (*Vulnerable* - VU)** dan **Enggang tebang mentua yang berstatus terancam kritikal (*Critically Endangered* - CR)**. Penemuan ini menekankan keperluan mendesak untuk usaha pemuliharaan, terutamanya bagi spesies yang berisiko tinggi akibat perubahan habitat.

*Meanwhile, at* ***Gunung Nuang, Ulu Langat FR****, significant bird species were recorded. Researchers documented the presence of the* ***Rhinoceros hornbill****,* ***listed as Vulnerable (VU)****, and the* ***Helmeted hornbill****, categorised as* ***Critically Endangered (CR)****. These findings underscore the urgent need for conservation efforts, particularly for species highly at risk due to habitat changes.*

Ekspedisi di **HS Hulu Terengganu Tambahan** pula menemukan **spesies endemik** seperti ***Ptychopyxis caput-medusae*** **(Mendaroh)** dan ***Rourea rugosa***. Spesies lain yang **sangat langka**, ***Syzygium rheophyticum***, juga turut ditemui. Selain itu, spesies ***Polyalthia pakdin***, yang **endemik** di Semenanjung Malaysia dan **hampir terancam**, turut direkodkan.

Di **HS Bukit Jernih, Perlis**, para saintis berjaya menemui **spesies baharu** iaitu ***Thismia perlisensis***.

Penemuan-penemuan ini bukan sahaja memperkayakan rekod biodiversiti negara tetapi juga menegaskan peranan penting hutan kita sebagai khazanah alam yang perlu terus dilindungi.

*At **Hulu Terengganu Tambahan FR, endemic species** such as **Ptychopyxis caput-medusae** (mendaroh) and **Rourea rugosa** were discovered. Other **rare species**, including **Syzygium rheophyticum**, were also identified. Additionally, **Polyalthia pakdin**, an **endemic species** in Peninsular Malaysia classified as **Near Threatened**, was recorded.*

*In **Bukit Jernih FR, Perlis**, scientists successfully discovered **a new species, Thismia perlisensis**.*

*These discoveries not only enrich the nation's biodiversity records but also reaffirm the vital role of our forests as invaluable natural treasures that must be safeguarded for future generations.*









Aktiviti-aktiviti dan penemuan semasa Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan Simpan (HS) Bukit Jernih, Perlis

*Activities and findings during the Scientific Expedition on Forest Biodiversity in Bukit Jernih Forest Reserve (FR), Perlis*







Aktiviti-aktiviti dan penemuan semasa Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Gunung Nuang, HS Ulu Langat, Selangor

*Activities and findings during the Mount Nuang Biodiversity Scientific Expedition, HS Ulu Langat, Selangor*







Aktiviti dan penemuan semasa Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi HS Gunung Arong, Mersing, Johor

*Activities and findings during the Scientific Expedition on Forest Biodiversity in Gunung Arong FR, Mersing, Johor*











Penemuan semasa Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi HS Hulu Terengganu Tambahan, Kuala Berang, Terengganu


*Findings during the Scientific Expedition on Forest Biodiversity in Hulu Terengganu Tambahan FR, Kuala Berang, Terengganu.*




# 08

# PROFIL JABATAN PERHUTANAN NEGERI

*STATE FORESTRY DEPARTMENT'S PROFILE*



*Begonia sinuata*



# JOHOR

Ibu Negeri / *State Capital* : JOHOR BAHRU
Alamat / *Address* : Jabatan Perhutanan Negeri Johor,
Tingkat 2,Bangunan Dato' Mohammad Ibrahim Munsyi,
Kota Iskandar, 79660 Nusajaya, Johor
No. Tel. / *Tel. No.* : 07-266 7433
No. Faks / *Fax No.* : 07-266 1288
Pengarah / *Director* : -
Emel / *Email* : -
Laman Sesawang / *Website* : https://forestry.johor.gov.my

| | | |
|---|---|---|
| 1. | Penduduk (juta) / *Population (million)* (2020)* | 4.01 |
| 2. | Keluasan Negeri / *Land Area* (ha) | 1,908,812 |
| 3. | Kawasan Berhutan / *Forested Area* (ha) | 442,259 |
| 4. | Kawasan Tidak Berhutan / *Non-forested Area* (ha) | 1,466,552 |
| 5. | Sumber Hutan / *Forest Resource* | |
| | a) Hutan Simpanan Kekal / *Permanent Reserved Forest* (ha) | 334,491 |
| | b) Ladang Hutan / *Forest Plantations* (ha)** | 30,348 |
| | c) Hutan Tanah Kerajaan / *State Land Forest* (ha) | 29,375 |
| | d) Rizab Hidupan Liar / *Wildlife Reserve* (ha)# | 111,454 |
| | e) Catuan Tebangan Tahunan (untuk Hutan Simpanan Kekal) (ha)*** *Annual Allowable Cut (for Permanent Reserved Forest)* | 2,600 |
| | f) Keluasan yang dilesenkan untuk pengusahasilan (ha)+ *Area licensed for harvesting* | 1,227 |
| | g) Pengeluaran Kayu Balak / *Production of Logs* ($m^3$) | 796 |
| 6. | Industri Hutan / *Forest Industry* | |
| | a) Bilangan / *Number* | |
| | - Kilang Papan / *Sawmills* | 49 |
| | - Kilang Papan Lapis/Venir / *Plywood/Veneer Mills* | 8 |
| | - Kilang Kayu Kumai / *Moulding Mills* | 5 |
| 7. | Perbelanjaan / *Expenditure* | |
| | a) Mengurus / *Operation* (RM) | 22,912,922 |
| | - Emolumen / *Emolument* | 17,693,940 |
| | - Perkhidmatan dan Bekalan / *Services and Supplies* | 4,842,484 |
| | - Aset / *Assets* | 376,498 |
| | - Lain-lain / *Others* | - |
| | b) Pembangunan dan KWPH / *Development and KWPH* (RM) | 4,016,364 |

**Nota / *Note***

* - Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia / *Source: Department of Statistics, Malaysia*

** - Ladang Akasia, Getah dan lain-lain
*Acacia, Rubber and Others Plantation*

*** - Seperti yang ditetapkan oleh Majlis Tanah Negara / *As stipulated by the National Land Council*

\+ - Termasuk kawasan Hutan Simpanan Kekal dan Tanah Berimilik
*Includes Permanent Reserved Forest and Alienated Land*

\# - Rizab Hidupan Liar adalah rizab di bawah penyeliaan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN)/Jabatan Perhutanan Negeri
*Wildlife Reserve is a reserve under the supervision of the Department of Wildlife and National Parks (DWNP)/State Forestry Department*

# KEDAH



| | | |
|---|---|---|
| Ibu Negeri / *State Capital* | : | ALOR SETAR |
## Galak guna inovasi digital lindungi flora dan fauna

**Putrajaya:** Kepentingan inovasi digital dan inisiatif untuk mengalakkan penggunaannya akan terus diperkukuh dalam melindungi serta memuliharа fauna dan flora yang juga khazanah negara yang amat berharga.

Dalam perutusan sempena Hari Hidupan Liar Sedunia, semalam, Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata tema sambutan tahun ini ialah *Connecting People and Planet: Exploring Digital Innovation in Wildlife Conservation.*

"Tema ini dipilih bagi meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan inovasi digital dalam usaha mengukuhkan konservasi fauna dan flora liar termasuk aspek penyelidikan, komunikasi, pengesanan dan analisis asid deoksiribonukleik (DNA) secara lebih mudah, cepat dan berkesan," katanya.


Nik Nazmi Nik Ahmad

Nik Nazmi berkata, dalam aspek hidupan liar, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) melalui PERHILITAN mengambil inisiatif untuk meneroka penggunaan teknologi antaranya melalui penggunaan perangkap kamera yang dilengkapi dengan kecerdasan buatan (AI) bagi memantau spesies hidupan liar.

Selain itu, penggunaan pesawat tanpa pemandu (UAV) seperti dron untuk memantau kehadiran dan pergerakan hidupan liar dan penggunaan satelit bagi pembangunan sistem amaran awal.

Nik Nazmi berkata, selain memastikan kelangsungan hidup Harimau Malaya di habitat semula jadi (in-situ), konservasi ex-situ adalah kritikal kerana populasi haiwan itu di habitat semula jadi adalah sangat rendah.

Beliau berkata, PERHILITAN sudah memperkasakan Makmal Forensik Hidupan Liar Kebangsaan dengan perolehan peralatan makmal berteknologi tinggi untuk meningkatkan kapasiti forensik, konservasi ex-situ, biobanking, Sistem Pengurusan Maklumat Makmal (LIMS) dan pengawasan penyakit zoonotik.

"Pendekatan ini boleh meningkatkan pelaksanaan program perhitakan secara aruhan (ART) bagi membantu menambahkan populasi Harimau Malaya dalam kurungan melalui kaedah permanian berulang," katanya.

Dalam aspek pengurusan hutan pula, Nik Nazmi berkata, NRES melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) telah memanfaatkan penggunaan teknologi seperti Sistem Pemantauan Hutan Menggunakan Remote Sensing (PMHS) bagi mengesan sebarang perubahan yang berlaku di dalam Hutan Simpanan Kekal di Semenanjung Malaysia.

Beliau berkata, Jabatan Perhutanan Sabah dengan kerjasama Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) telah membangunkan sistem iForSabah dengan menggunakan imej satelit sebagai langkah pemantauan jarak jauh bagi mengesan sebarang perubahan yang berlaku dalam kawasan hutan simpan di Sabah.

Sementara itu, Jabatan Hutan Sarawak telah membangunkan Sistem Pengawasan Berterusan (COMOS) yang menggabungkan analisis imej satelit dan menentusahkan titik koordinat dengan menggunakan sistem cerapan udara hiperspektral bagi membantu tindakan penguatkuasaan di lapangan. BERNAMA

**Lumut baharu dinamakan sempena Prof Dr Abdul Latiff Mohamad**
11 Mac / *March*

Harian Metro

## *Lumut baharu dinamakan sempena Prof Dr Abdul Latiff Mohamad*

**Cameron Highlands:** Spesies baharu lumut hati yang ditemui di Hutan Taman Negeri Cameron Highlands, Mossy Forest di sini secara rasmi dinamakan Mastigopelma latiffiana sebagai penghargaan tertinggi pada Prof Emeritus Datuk Dr Abdul Latiff Mohamad.

Spesies berkenaan ditemui pada Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan Mossy Forest, Mac tahun lalu yang diketuai oleh beliau sendiri.

Penyelidik lumut, Prof Madya Lee Gaik Ee dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT) berkata, dia mengambil keputusan menamakan spesies baharu lumut hati dengan nama Mastigopelma latiffiana sebagai penghargaan tertinggi pada dia (Abdul Latiff) yang berpengalaman luas dalam bidang penyelidikan di negara ini.

Menurutnya, beliau yang lebih terkenal dengan panggilan Pok Teh sudah tidak asing lagi di negara ini, individu yang banyak berjasa menghasilkan ramai golongan penyelidik dalam pelbagai bidang penyelidikan.

"Keputusan saya menamakan spesies baharu lumut hati yang ditemui di Cameron Highlands tahun lalu, dengan nama Mastigopelma latiffiana juga sebagai penghargaan anak murid pada seorang guru yang banyak berjasa.

"Tidak ada yang dapat saya balas jasa pada individu bernama Abdul Latiff, melainkan dengan cara mengabadikan namanya pada spesies baharu lumut hati," katanya ditemui pada Seminar Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan Mossy Forest di sini.

Seminar anjuran Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) itu dirasmikan Setiausaha Kerajaan Pahang Datuk Seri Zulkifli Yaacob.

Sebanyak 28 kertas kerja dibentangkan oleh penyelidik dari lapan universiti dan beberapa agensi lain yang memberi fokus kepada kajian ekosistem hutan, ekologi, flora dan fauna, rekreasi, geologi, arkeologi serta sosio ekonomi.


PENYELIDIK lumut, Prof Madya Lee Gaik Ee menamakan lumut hati spesies baharu dengan nama Mastigopelma latiffiana. - Gambar NSTP/MOHD RAFI MAMAT

Gaik Ee berkata, selepas bersara dia (Abdul Latiff) kini bertugas sebagai pensyarah sambilan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), dia juga merupakan Ketua Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan Mossy Forest.

"Dengan mengabadikan nama spesies baharu lumut hati dengan nama Mastigopelma latiffiana, saya berharap jasa dan pengorbanan insan istimewa bernama Abdul Latiff yang menyokong saya melakukan kajian, tidak akan dilupakan sampai bila-bila.

"Saya berbangga menjadi individu pertama mengabadikan namanya (Abdul Latiff) pada spesies baharu lumut hati," katanya.

***Bank joins trust and forestry department to plant 1,000 trees***
20 Mac / *March*

TheStar people's paper

## Bank joins trust and forestry department to plant 1,000 trees

A THOUSAND new trees will soon be planted across Selangor and Perak, now that one of the country's biggest banks is working with Yayasan Hijau Malaysia to help preserve nature.

For a start, 100 staff volunteers from Public Bank Group went to Bukit Cherakah, Selangor, to plant 100 trees as part of the bank's corporate social responsibility programme.

The "Greening Malaysia through the National 100 Million Tree Planting Campaign 2021-2025" aims to promote green technology in the country.

At the bank's inaugural tree planting ceremony, Public Bank managing director Tan Sri Tay Ah Lek likened the event to sowing seeds of positive change and nurturing a sustainable world.

"We recognise the critical role that businesses play in addressing environmental and social challenges.

"This programme aligns seamlessly with our group's sustainability agenda."

Yayasan Hijau Malaysia chief executive officer Nurul Muiz Muradin thanked the bank for fulfilling their social responsibilities.

"Our aim is to conserve Malaysia's biodiversity and address climate change.

"Trees play a vital role in preserving the environment for the benefit of future generations," he said.

Selangor Forestry Department director Azhar Ahmad praised Public Bank for making the nation's forest heritage a priority.

"The department has taken several initiatives to preserve the forests of Selangor.

"Among them are replanting programmes in impoverished and degraded forest areas, and awareness campaigns on the importance of forests."



Tay (fourth from left), Azhar (third from left) and Nurul Muiz (second left) with other staff members of the bank, trust and Forestry Department at the tree-planting campaign in Bukit Cherakah.

> "We recognise the critical role that businesses play in addressing environmental challenges."
> Tan Sri Tay Ah Lek

At the event, Tay along with Public Islamic Bank Bhd chief executive officer Syamsul Azuan Ahmad Fauzi, Public Investment Bank Bhd chief executive officer Lee Yo Hunn and Public Mutual Bhd chief investment officer Chung Yee Wah presented Nurul Muiz with the group's contribution of RM169,450 towards the tree planting programme.

The planting of the remaining 900 trees will be done by the trust, the state forestry department and bank staff in mangrove forests across both states.

# Liputan Akhbar 2024
## Newspaper Coverage

**Jabatan Perhutanan sasar capai misi tanam 100 juta pokok**

28 April / *April*

BH BeritaHarian

# Jabatan Perhutanan sasar capai misi tanam 100 juta pokok

**Kuantan:** Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia percaya sasaran kempen menanam 100 juta pokok mampu dicapai lebih awal selewat-lewatnya akhir tahun ini sekiranya mendapat sokongan semua pihak.

Ketua Pengarahnya, Datuk Mohd Ridza Awang, berkata sekiranya sasaran itu dicapai lebih awal, bermakna lebihan akan berlaku tahun depan, sekali gus menjadi bonus kepada pelaksanaan program terbabit selama lima tahun dilancarkan pada 2021.

Beliau berkata, sehingga kini kira-kira 86 juta pelbagai spesies pokok ditanam seluruh negara dengan Sarawak berada pada kedudukan teratas dengan 33.8 juta pokok membabitkan penyertaan lebih 1,151 individu.

"Tempat kedua diungguli Sabah dengan 16.3 juta pokok ditanam membabitkan 4,201 individu, diikuti Kelantan kira-kira 8.9 juta dengan sokongan 247 individu.

"Pahang berada pada kedudukan keenam dengan penanaman 8.8 juta pokok membabitkan penyertaan lebih 6,000 individu.

"Saya berharap beberapa negeri yang masih tidak mencapai jumlah tanaman disasarkan, dapat menambahkan lagi aktiviti menanam di kawasan sesuai secara berterusan dengan kerjasama pelbagai pihak," katanya.

Beliau berkata demikian pada Program Kempen Menanam 100 juta Pokok peringkat Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) di kawasan Pantai Balok, dekat sini semalam.

Pada program itu 200 pokok spesies ru pantai ditanam secara gotong-royong bersama lebih 60 kakitangan JPNP.

**Galak orang ramai sertai Program Penghijauan Malaysia**

18 Mei / *May*

Sinar harian suara cakna komuniti anda

# Galak orang ramai sertai Program Penghijauan Malaysia



ZAHARI

JPSM menggalakkan orang ramai menyertai Program Penghijauan Malaysia dengan menanam pokok sebagai tanda sokongan terhadap usaha kerajaan.

Menurut Zahari, Malaysia amat bertuah kerana diurniakan hutan hujan tropika yang kaya dengan kepelbagaian biodiversiti.

Jelasnya, tanggungjawab dalam menjaga hutan ini merupakan tanggungjawab semua pihak.

"Di pihak kerajaan, kami sentiasa menambah baik perkhidmatan di dalam sektor perhutanan dan memastikan pengurusan serta pemeliharaan hutan di negara ini dilaksanakan dengan baik berteraskan konsep Pengurusan Hutan Secara Berkekalan yang sentiasa menekankan elemen alam sekitar, ekonomi dan sosial bagi memastikan kesinambungan sumber hutan sentiasa terpelihara.

"Di samping itu, bagi memastikan komitmen negara dalam mengekalkan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keluasan tanah diliputi hutan dan pokok-pokok, orang ramai adalah digalakkan bagi menyertai Program Penghijauan Malaysia," katanya.

Beliau berkata, usaha-usaha ini sangat bermakna kerana inilah khazanah diwariskan kepada generasi yang akan datang.

"Bayangkanlah apa akan terjadi kepada kehidupan manusia sekiranya hutan semakin berkurangan?

"Hutan adalah nadi kehidupan manusia dan tempat perlindungan flora dan fauna. Tanpa hutan, manusia tidak akan dapat meneruskan kehidupan, hidupan liar dan flora juga akan diancam kepupusan.

"Peringatan JPSM kepada penjenayah alam sekitar, hentikanlah aktiviti yang menyalahi undang-undang perhutanan. Anda sentiasa diawasi dan tidak akan terlepas dengan tindakan undang-undang," tegasnya.

**45 pekebun Musang King di Raub kena tahan**

7 Jun / *June*

BH BeritaHarian

# 45 pekebun Musang King di Raub kena tahan

## 'Ops Sekat' kesan aktiviti ceroboh tanah kerajaan, langgar arahan mahkamah

Oleh Mohd Rafi Mamat
bhnews@bh.com.my

**Bentong:** Seramai 45 pekebun durian Musang King yang dikesan mencerobah tanah kerajaan dan melanggar arahan mahkamah, ditahan di daerah Raub sepanjang 'Ops Sekat' selama sebulan bermula 30 April lalu.

Ketua Polis Pahang, Datuk Seri Yahaya Othman, berkata tangkapan membabitkan warga tempatan dan asing.

Sepanjang operasi, katanya, 44 motosikal dan 12 buah kenderaan pacuan empat roda turut dirampas, selain masing-masing empat unit lori, kereta dan jentera pengorek.

Katanya, operasi bersepadu disertai lebih 200 pegawai dan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) Raub, Pasukan Gerakan Am (PGA) dan Unit Penguatkuasaan Negeri Pahang (UPNP) serta Unit Penguatkuasa Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) Pahang Barat turut menyita dua jengkaut.



Sebahagian kenderaan pacuan empat roda dan motosikal yang disita dalam 'Ops Sekat'. (Foto Mohd Rafi Mamat/BH)

**Buka 50 kertas siasatan**

"Kita membuka 50 kertas siasatan membabitkan pelbagai kesalahan mengikut Kanun Keseksaan, Kanun Tanah Negara, Akta Perhutanan Negara dan Akta Imigresen.

"Ops Sekat dijalankan bagi memastikan pekebun durian di Raub tidak terus mencerobah tanah kerajaan untuk menanam durian Musang King," katanya di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Bentong, semalam.

Pada 30 April lalu, Mahkamah Tinggi memberi kuasa penuh kepada pihak berkuasa negeri mengambil semula tanah kerajaan dan hutan simpan yang diteroka di Raub.

Yahaya berkata, Ops Sekat membabitkan lapan kawasan tumpuan termasuk di Sungai Ruan, Tranum, Ulu Dong, Tras dan beberapa kawasan sekitar.

Katanya, pihak polis turut memantau pembinaan 'parit gajah' di beberapa kawasan bagi mengelak hutan berkenaan diceroboh.

"Sepanjang Ops Sekat, kita turut melakukan pemantauan udara untuk meninjau kawasan bukit dan hutan yang sukar diakses kenderaan," katanya.

# Liputan Akhbar 2024
## Newspaper Coverage



Sahut kempen tanam seratus juta pokok

500 anak pokok bakau berjaya ditanam 123 sukarelawan Satria

**Sahut kempen tanam seratus juta pokok**

15 Julai / *July*

Harian Metro



Don't climb without them

Trained mountain guides act as first responders as well as the eyes and ears of Forestry Department

Number of hikers lost in Malaysian Forests

***Don't climb without them***

29 Julai / *July*

TheStar people's paper



KSSB tanam 300 anak pokok

Tingkat kesedaran masyarakat mengenai kepentingan ESG dan pemuliharaan alam sekitar

*Semoga dengan inisiatif yang dijalankan ini akan mencetuskan perubahan positif dalam amalan perniagaan dan gaya hidup masyarakat ke arah kelestarian."*

- Zuhir

**KSSB tanam 300 anak pokok**

22 Julai / *July*

Sinar harian

# Liputan Akhbar 2024
## Newspaper Coverage



# Selangor steps up tree-planting efforts

'Mulling plan review to reach 11 million goal by 2026'



Jamaluh watering a newly planted sapling with Zahari (second from left) and Azhar (right) at Taman Eko Rimba Gunung Nuang in Hulu Langat, Selangor. — FAIHAN GHANI/The Star

**Selangor steps up tree-planting efforts**

**7 September** / *September*

TheStar people's paper



**Gunung Nuang expedition an eye-opener for researchers**

**17 September** / *September*

TheStar people's paper



# Gunung Nuang expedition an eye-opener for researchers

By FARID WAHAB
faridwahab@thestar.com.my

SPANNING five days, a recent expedition to Gunung Nuang, in Hulu Langat, Selangor, brought together 70 researchers from local universities to identify and record the diverse plant and animal life there.

Funded by the Peninsular Malaysia Forestry Department (JPSM), the scientific expedition was jointly organised by Universiti Putra Malaysia.

It was the second expedition to be conducted at Gunung Nuang since 1991 and the researchers included PhD students.

Al Kautsar Hidayanto Abdul Rahim from UPM, who specialises in wildlife ecology and management, said the programme was an eye-opener.

"I was surprised to find plenty of threatened species in Gunung Nuang despite its proximity to Klang Valley.

"Although my research revolves around big mammals, the things I learned here still offered useful insights," he said.

Having studied wild birds during his masters programme, he had hoped to observe the species present at Gunung Nuang.

"Five days is too short a period for a proper survey," he added.

Nur Nazifah Firriyah Mohd Zarman of Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), who focuses on taxonomy, aimed to classify the different species of bats.

She and fellow researchers set up recorders at certain locations to capture the frequency emitted by bats at night.

"We captured the animals and examined their external characteristics before recording their echolocation frequencies.

"There are many families of bats and each can be identified using their frequencies," she explained.

Al Kautsar Hidayanto placing a bioacoustic recorder to capture the vocalisation of wild birds. — Photo courtesy of AL KAUTSAR HIDAYANTO ABDUL RAHIM

University of Nottingham Malaysia's Siew Zaben Yun said the expedition gave him newfound appreciation for fieldwork.

Focusing on biomedical research, he said he used to spend time analysing data in the laboratory.

"I often wondered why data-gathering took so long but I now realise there are many logistical challenges involved.

"For example, due to their nocturnal nature, data on bats can only be collected at night," he said.

Amira Aqilah Muhammad from Universiti Malaya (UM) said the expedition offered useful training for future research.

Her PhD study centres around the roles of insects in an ecosystem, having completed her degree and master's in ecology and biodiversity.

"Insects such as grasshoppers can be used as a bioindicator to give insight into the local environment.

"For example, pygmy grasshoppers, which are found here, can indicate moisture levels in the locality," she said.

An event was held to mark the end of the expedition at Taman Eko Rimba Gunung Nuang with state public health and environment committee chairman Jamaliah Jamaluddin and JPSM secretary-general Datuk Zahari Ibrahim among those in attendance. — By FARID WAHAB



Amira Aqilah (left) on the lookout for damselflies at a river while fellow researcher Muhammad Akmal Hidayat Zulkifli measures the water quality. — Photo courtesy of AMIRA AQILAH MUHAMMAD



Nur Nazifah says bat families can be identified using their echolocation frequencies.



Siew says the expedition gave him newfound appreciation for fieldwork.



Kebun sayur haram di Hutan Simpan Bertam

# 800 pokok ditanam pulihkan hutan

## Kerja penanaman dilakukan secara berperingkat babit kawasan diceroboh

Cameron Highlands: Sebanyak 800 pokok hutan seperti sendok merupakan spesi pentas ditanam sebagai usaha memulihkan kembali Hutan Simpan Bertam, di sini.

Fasa pertama penanaman membabitkan kawasan seluas dua hektar yang terbabit dengan operasi penguatkuasa bersepadu selama lima hari bermula ketiga-tiga Disember lepas oleh pasukan penguatkuasa.

Timbalan Pengarah Perhutanan Alpheneh Johnson Perhutanan Negeri Pahang (JPNP), Dr Kipppie Aleng, berkata dalam operasi bersepadu itu, pihaknya menemui kebun sayur haram di kawasan hutan simpan kekal itu.

"Kita bersama pasukan penguatkuasa Hutan Simpan Bertam (HSB) Kawasan Bukit Gaggak (1.21 hektar) dan Hutan Simpan Sungai Khai (0.5 hektar).

"Jabatan menggunakan kira 6,000 pokok hutan ditanam dalam kawasan terbabit di empat hutan simpan yang terbabit dalam operasi penguatkuasa bersepadu kali ini," katanya, ketika ditemui di sini semalam.

Pembantu Pengurusan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP), Dr Kipppie Aleng, berkata dalam operasi bersepadu itu, pihaknya menemui kebun sayur haram di kawasan hutan simpan kekal itu.



Kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang menanam pokok spesies merawan ejoni pentas di Hutan Simpan Bertam. — Photo by Hak Mamun/BH

**800 pokok ditanam pulihkan hutan**

**26 September** / *September*

Wadah Pembaharuan BH BeritaHarian

# Liputan Akhbar 2024
## Newspaper Coverage

**JPNP pulih semula kawasan diceroboh tanam pokok hutan**

**10 Oktober / *Oktober***

Harian Metro

### JPNP pulih semula kawasan diceroboh tanam pokok hutan

**Kuantan:** Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) mengadakan program pemulihan semula kawasan seluas 2.85 hektar di Hutan Simpan Sungai Ichat dan Hutan Simpan Batu Gangan di Cameron Highlands.

Program menanam kira-kira 2,000 pokok hutan itu diadakan selepas operasi pemusnahan bersepadu kawasan hutan simpan itu dijadikan kebun sayur secara haram oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Pegawai Hutan Daerah (PHD) Cameron Highlands, Arifhadi Johari Affandi berkata, sebelum ini sebanyak 2,300 pokok hutan ditanam di Hutan Simpan Mentigi dan Hutan Simpan Bertam.

Menurutnya, sempena 'Kempen Penghijauan Malaysia' pada 29 Oktober ini, kawasan seluas 1.5 hektar di Hutan Simpan Batu Gangan dan Hutan Simpan Sungai Ichat (1.35 hektar) akan ditanam semula.

"Menjadi tanggungjawab kita memulihkan semula kawasan diceroboh terbabit dengan menanam pokok bersesuaian di tanah tinggi seperti Gerok, Meranti Bukit, Damar Minyak dan Merawan Sipot Jantan.

"Program gotong-royong itu membabitkan penyertaan kira-kira 160 peserta terdiri daripada kakitangan JPNP dan agensi kerajaan di Cameron Highlands," katanya, semalam.

Menurutnya, pihaknya akan terus membuat pemantauan dan tinjauan bagi memastikan semua pokok ditanam hidup.

"JPNP akan mengadakan program restorasi di Cameron Highlands terutama membabitkan kawasan yang sebelum ini dijadikan kebun sayur secara haram.

"Selepas operasi musnah kebun haram ini dilakukan, kita akan hijaukan semula kawasan terbabit," katanya.

**Program gotong-royong itu babitkan penyertaan 160 peserta**



KAKITANGAN JPNP menanam pokok hutan spesies Merawan Sipot Jantan di kawasan ceroboh Hutan Simpan Bertam. - Gambar NSTP/MOHD RAFI MAMAT

**'Sasar 2,000 malim ditauliah menjelang tahun 2025**

**30 Oktober / *Oktober***

Utusan Penyebar Fikiran Rakyat MALAYSIA



MOHD. YUSSAINY

### Sasar 2,000 malim ditauliah menjelang tahun 2025

AKTIVITI mendaki gunung kini semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat negara ini.

Malah, istilah 'pelancongan gunung' turut digunakan bagi menggambarkan bahawa ia telah berkembang menjadi salah satu segmen di dalam pelancongan.

Pengarah Bahagian Forest Eco-Park & Hutan Taman Negeri, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Mohd. Yussainy Md. Yusop berkata, pelancongan gunung memiliki potensi untuk menjadi produk pelancongan di negara kita.

Menurutnya, disebabkan pelancongan gunung semakin berkembang, maka langkah-langkah untuk mengelakkan kemalangan ketika mendaki sehingga menyebabkan kematian perlu diambil.

"Oleh sebab itu, Malim Gunung Perhutanan (MGP) diperkenalkan bagi mengurangkan risiko kemalangan ketika aktiviti ini.

"Sehingga kini, kita mempunyai hampir 1,877 malim gunung di seluruh negara. Kita menyasarkan 2,000 malim gunung ditauliahkan menjelang 2025," katanya.

Tambahnya, pihaknya juga melihat keperluan untuk meningkatkan kemahiran malim gunung, bukan sahaja di peringkat domestik, malah piawaian antarabangsa.

Dalam pada itu, Mohd. Yussainy menjelaskan, pihaknya telah menganjurkan Forest Trail Conservation yang merupakan program membersihkan laluan pendakian di beberapa gunung.

"Kita telah mendapat 18,000 penyertaan untuk aktiviti membersihkan laluan pendakian di beberapa gunung," terangnya.

# Liputan Akhbar 2024
## *Newspaper Coverage*

**9,000 pokok ditanam di kawasan hutan simpan diceroboh**

**4 November** / *November*

Utusan Penyebar Fikiran Rakyat MALAYSIA

### 9,000 pokok ditanam di kawasan hutan simpan diceroboh

Oleh MOHAAMAD SHOFI MAT ISA

**CAMERON HIGHLANDS:** Kira-kira 9,000 pelbagai jenis pokok ditanam di kawasan hutan simpan yang diceroboh di daerah ini tercatat bagi menanam sayur-sayuran secara haram.

Pegawai Hutan Daerah Cameron Highlands, Arifhadi Johari Affandi berkata, pokok-pokok itu ditanam Pejabat Hutan Daerah (PHD) Cameron Highlands di bawah program restorasi yang diadakan dari semasa ke semasa.

"Selepas operasi rumah dilakukan kita akan bijaksan semula kawasan terbabit dengan aktiviti menanam pokok hutan yang dilakukan dengan kerjasama Pejabat Silvikultur Negeri Zon Pahang Barat, Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP).

"Menjadi tanggungjawab kita selepas penyusahan haram dilakukan dengan berusaha memulihkan semula kawasan ceroboh terbabit dengan menanam beberapa jenis tanaman sesuai di tanah tinggi segera dilakukan," katanya di sini.

Arifhadi Johari berkata, program penanaman semula kawasan ceroboh merupakan langkah mengembalikan keseimbangan alam semula jadi dalam memastikan kesinambungan sumber berharga di daerah ini.

"Sebanyak 2,300 pokok hutan ditanam dalam aktiviti sama pada bulan lalu selepas operasi penyusahan bersepadu dilakukan membabitkan Hutan Simpan Mentigi dan Hutan Simpan Bertam.

"Terbaharu adalah aktiviti menanam sebanyak 2,000 pokok hutan membabitkan spesies Meranti Bakti, Meranti Tembaga, Merbau dan Araucaria dilakukan kelmarin membabitkan kawasan Hutan Simpan Sungai Ichut dan Hutan Simpan Batu Gangan seluas 2.85 hektar.

"Selepas kerja penanaman dilakukan, kita akan terus membuat pemantauan dan tindakan bagi memastikan semua pokok ditanam hidup. Kerja menyulam turut akan dilakukan bagi menggantikan pokok yang mati," katanya.

Menurutnya, pemantauan tanaman sayuran setiap kali operasi rumah dilakukan merupakan tindakan yang perlu diambil kerana ia menyalahi undang-undang di bawah Seksyen 32(1) Akta Perhutanan Negara 1984 kerana mencerobah kawasan hutan simpan.

"Dalam operasi penyusahan bersepadu bulan lalu, kawasan kebun sayur seluas 16.98 hektar yang disusahkan secara haram dimusnahkan dalam tempoh lima hari operasi terbabit yang disertai kita-kira 148 anggota.

"Operasi membabitkan empat kawasan hutan simpan, Hutan Simpan Sungai Ichut seluas 0.9 hektar; Hutan Simpan Batu Gangan (1.23 hektar), Hutan Simpan Mentigi (5.7 hektar) dan Hutan Simpan Bertam (9.16 hektar).

"Turut dimusnahkan 20 binaan yang terdapat dalam empat hutan simpan tersebut berupa rumah kongsi termasuk pondok, stor simpanan baja dan rumah plastik," katanya.



PENANAMAN pokok dilakukan oleh Pejabat Hutan Daerah (PHD) Cameron Highlands di kawasan hutan simpan yang diceroboh di Cameron Highlands, Pahang.

**Perak tanam 9.5 juta pokok sejak 2021**

**6 Disember** / *December*

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

### Perak tanam 9.5 juta pokok sejak 2021

**IPOH** – Perak telah merekodkan penanaman sebanyak 9.55 juta pokok sejak tahun 2021 hingga 31 Oktober 2024 lalu melalui Program Penghijauan Malaysia Kempen Penanaman 100 Juta Pokok.

Pengerusi Jawatankuasa Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau negeri, Teh Kok Lim berkata, penanaman 9,552 767 pokok itu melibatkan keluasan kawasan 19,165 hektar.

Katanya, kerajaan negeri melalui Jabatan Perhutanan Negeri Perak komited dalam melaksanakan aktiviti tersebut dengan sasaran tanaman di seluruh Perak sebanyak 10 juta pokok bagi tempoh lima tahun bermula 2021 hingga 2025.

"Jabatan Perhutanan Negeri Perak dengan kerjasama pelbagai agensi kerajaan, swasta, badan bukan kerajaan, pelajar-pelajar dan masyarakat awam telah melaksanakan aktiviti penanaman pokok dengan pelbagai kaedah dan lokasi," katanya.

Beliau berkata demikian semasa persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Perak di sini semalam ketika menjawab soalan Mohd: Akmal Kamarudin (**Selama-Pas**) yang bertanyakan tentang program penghijauan oleh kerajaan negeri.

Tambahnya, sehingga 30 Jun 2024, keluasan keseluruhan Hutan Simpanan Kekal di negeri Perak adalah sejumlah 988,722.22 hektar yang merupakan 47 peratus daripada keluasan negeri.

Selain penanaman pokok, Kok Lim berkata, usaha turut dijalankan oleh kerajaan negeri untuk meningkatkan kualiti udara melibatkan pengusaha-pengusaha sektor industri.

"Galakkan pengusaha-pengusaha sektor industri untuk beralih daripada menggunakan diesel atau komposit bertetulang tandan kosong buah sawit kepada gas asli," ujarnya.

**SIDANG DUN PERAK**

> "Penggunaan gas asli adalah jauh lebih baik kerana merupakan sumber tenaga yang lebih bersih, stabil dan tidak tercemar."

# Liputan Akhbar 2024
*Newspaper Coverage*



## PM tanam pokok ke-100 juta

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyempurnakan Majlis Penanaman Pokok ke-100 juta di bawah Kempen Penanaman 100 Juta Pokok 2021-2025 di Taman Herba Parlimen, semalam. Turut hadir isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi; Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam Nik Nazmi Nik Ahmad (kiri) dan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Johari Abdul.

(Foto BERNAMA)

**PM tanam pokok ke-100 juta**

**11 Disember / *December***

Wadah Pembaharuan BH BeritaHarian

## JPNT patah cubaan curi unsur nadir bumi

**Kemaman:** Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu (JPNT) mematahkan cubaan melombong unsur nadir bumi (REE) secara haram dalam serbuan di kawasan Kompartmen (Kpt) enam Hutan Simpan Bukit Bandi, di sini Jumaat lalu.

Ketika serbuan di lokasi berkenaan, sembilan individu berusia antara 20 hingga 56 tahun berada di situ yang mana lima daripadanya ditahan, manakala empat lagi melarikan diri ke dalam hutan.

Dua yang ditahan adalah warga tempatan dan tiga warga Indonesia dan China.

Pengarah Perhutanan Negeri Terengganu, Datuk Norhaidi Yunus, berkata ketika pasukan Unit Operasi dan Penguat kuasa JPNT melakukan rondaan sempena Krismas, mereka bertemu dengan sembilan individu yang menjalankan aktiviti mengorek tanah di situ.

Menurutnya, pemeriksaan dilakukan terhadap lima individu terbabit mendapati mereka tidak memiliki kebenaran yang sah atau permit UNTUK memasuki Hutan Simpan Bukit Bandi daripada jabatan.

Katanya, siasatan dilakukan mendapati kumpulan terbabit melakukan aktiviti pengorek tanah bagi tujuan mengesan kandungan REE sebelum tindakan seterusnya dilakukan.

"Pasukan juga telah menemui pelbagai peralatan yang digunakan oleh individu terbabit untuk mengorek lubang bagi mengambil contoh tanah bagi menentukan sumber mineral yang terdapat di kawasan terbabit. Peralatan terbabit disita.

"Difahamkan kumpulan terbabit mempunyai pengalaman luas mengesan kandungan REE, mereka mengambil contoh tanah di kedalaman tertentu untuk dibawa pulang untuk ujian di makmal," katanya, dihubungi di sini, semalam.

Beliau menambah, jabatan tidak berkompromi dengan mana-mana pihak yang mencerobo kawasan hutan simpan untuk apa juga tujuan.

Katanya, semua pihak perlu ada permit untuk memasuki hutan simpan.

Norhaidi berkata, pihak yang mencerobo kawasan hutan simpan boleh dikenakan tindakan undang-undang mengikut Seksyen 32 (1) Akta Perhutanan Negara 1984.

**JPNT patah cubaan curi unsur nadir bumi**

**30 Disember / *December***

Wadah Pembaharuan BH BeritaHarian



***Mitthyridium* sp.**

# Sidang Redaksi

**JAWATANKUASA EDITOR**
*EDITORIAL COMMITTEE*

**Penaung** / *Patron*
Dato' Hj. Zahari bin Ibrahim
Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia

**Penasihat** / *Advisors*
Dato' Hj. Roslan bin Rani
Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan (Dasar dan Perancangan)

**Pengerusi** / *Chairman*
Muhamad bin Abdullah
Pengarah Kanan Bahagian Perancangan & Ekonomi Hutan

**Ketua Editor** / *Editor-in-Chief*
Tuan Marina binti Tuan Ibrahim
Ketua Seksyen Ekonomi Hutan

**Penolong Ketua Editor** / *Deputy Chief Editor*
Norulhuda binti Ali
Penolong Pengarah (Ekonomi Hutan) II

Nor Hafizah binti Mustafa
Penolong Pegawai Kanan (Ekonomi Hutan)

**Pasukan Editorial** / *Editorial Team*

Nurul Hidayah binti Hadzuha
Penolong Pengarah (Pemuliharaan Hutan)
Bahagian Ladang Hutan dan Perlindungan Hutan

Nor Izzati binti Othman
Penolong Pengarah (Ekonomi Hutan) III
Bahagian Perancangan dan Ekonomi Hutan

Nabilah Hamidah binti Sabar @ Sabal
Penolong Pengarah (Silvikultur Hutan Paya Gambut)
Bahagian Silvikultur & Pemeliharaan Biologi Hutan

Mohd Ikhsannuddin bin Mohammad Tinggal
Penolong Pengarah (Pembangunan Latihan)
Bahagian Latihan Perhutanan

Noorshathiroh binti Saidin
Penolong Pengarah (Hal Ehwal Antarabangsa) I
Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa

Nurul Asyiqin binti Azizi
Penolong Pengarah (Sistem Pengurusan Hutan Darat) II
Bahagian Pengurusan Hutan

Mmuhamad Hapiz bin Abdul Mutalib
Penolong Pengarah Penguatkuasaan (Pencegahan)
Bahagian Penguatkuasaan Hutan

Hamidah binti Muhamad
Penolong Pegawai Tadbir PSM
Bahagian Khidmat Pengurusan

**Jurugambar** / *Cameraman*

Mohd Fadil bin Ibrahim
Penolong Pegawai (Sebaran Maklumat) II
Unit Komunikasi Korporat & Perhubungan Awam

Zulazfar Husaini bin Abdullah Sani
Penolong Jurutera
Bahagian Teknikal & Industri Kayu

Hairul bin Abd Hamid
Pembantu Tadbir (P/O)
Bahagian Khidmat Pengurusan

Sumbangan Gambar
Juliana binti Yahya
Penolong Pengarah Kanan (In-situ & Ex-situ)
Bahagian Silvikultur & Pemeliharaan Biologi Hutan




***Habenaria carnea***

# AKRONIM
## *Acronyms*

| | |
|---|---|
| 3RSM | Program Restorasi,Tebus Guna dan Pemulihan Kawasan Hutan Terosot di Semenanjung Malaysia |
| | *Restoration, Reclaimation and Rehabilitation of Degraded Forest Area in Peninsular Malaysia* |
| CTT | Catuan Tebangan Tahunan |
| *AAC* | *Annual Allowable Coupe* |
| *APFNet* | *Asia-Pacific Network for Sustainable Forest Management and Rehabilitation* |
| APN | Akta Perhutanan Negara |
| *NFA* | *National Forestry Act* |
| ASEAN | Association of Southeast Asian Nations |
| *ASOF* | *ASEAN Senior Officials on Forestry* |
| *ATFP* | *ASEAN Task Force on Peatlands* |
| *AWG-FCC* | *ASEAN Working Group on Forest and Climate Change* |
| *AWG-FM* | *ASEAN Working Group on Forest Management* |
| *AWG-SF* | *ASEAN Working Group on Social Forestry* |
| BKH | Bahagian Kejuruteraan Hutan |
| BKP | Bahagian Khidmat Pengurusan |
| BLH | Bahagian Ladang Hutan |
| BLP | Bahagian Latihan Perhutanan |
| BLP | Bahagian Latihan PerhutananPL |
| BPE | Bahagian Perancangan dan Ekonomi Hutan |
| BPM | Bahagian Pengurusan Maklumat |
| BPM | Bahagian Pengurusan Maklumat |
| BPP | Bahagian Perundangan dan Pendakwaan |
| BUH | Bahagian Pengurusan Hutan |
| *CFS* | *Central Forest Spine* |
| *COFO 27* | *Session of the Committee on Forestry* |
| *CR* | *Critically Endangered* |
| DPSM | Dasar Perhutanan Semenanjung Malaysia |
| | *Peninsular Malaysia Forestry Policy* |
| DYMM | Duli Yang Maha Mulia |
| *EU* | *European Union* |
| *EUDR* | *European Union Deforestation Regulation* |
| *FLR* | *Forest Landscape Restoration* |
| *FMRS* | *Forest Monitoring using Remote Sensing* |
| FMU | Unit Pengurusan Hutan |
| FMU | *Forest Management Unit* |
| FORTRAIN | Institut Latihan Perhutanan |
| *FORTRAIN* | *Forestry Training Institute* |
| FRIM | Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia |
| *FRIM* | *Forest Research Institute Malaysia* |
| *G&Y* | *Growth & Yield* |
| KDNK | Keluaran Dalam Negeri Kasar |
| *GDP* | *Gross Domestic Product* |
| GIS | Sistem Maklumat Geografi |
| *GIS* | *Geographical Information System* |
| *GLSTF* | *Global Legal and Sustainable Timber Forum* |
| *GNSS* | *Global Navigation Satellite System* |
| *GP* | *Growth Plot* |
| GPJH | Garis Panduan Jalan Hutan |
| | *Forest Road Guidelines* |
| GPS | Sistem Kedudukan Global |
| *GPS* | *Global Positioning System* |
| ha | Hektar |
| ha | *Hectare* |
| HCV | Pengurusan Kawasan Yang Mempunyai Nilai Pemeliharaan Tinggi |
| *HCV* | *High Conservation Value* |
| HS | Hutan Simpan |
| *FR* | *Forest Reserve* |
| HSK | Hutan Simpanan Kekal |
| *PRFs* | *Permanent Reserved Forests* |
| *ICT* | *Information & Communication Technology* |
| IHN | Inventori Hutan Nasional |
| *NFI* | *National Forest Inventory* |
| IHNPL | Sistem Inventori Hutan Nasional Paya Laut |
| | *National Mangrove Forest Inventory System* |
| ILMU | Institut Latihan Memperkasa Ummah |
| IPJPSM | Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia |
| *FDPMHQ* | *Forestry Department Peninsular Malaysia Headquarters* |
| *iPSC* | *International Peatland Science Conference* |
| *ITC* | *Instructor Training Course* |
| *ITTC* | *International Tropical Timber Council* |
| JH Sarawak | Jabatan Hutan Sarawak |
| JIP | Jawatan Ibu Pejabat |
| JP Sabah | Jabatan Perhutanan Sabah |
| JPN | Jabatan Perhutanan Negeri |
| *SFD* | *State Forestry Department* |
| JPSM | Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia |
| *FDPM* | *Forestry Department of Peninsular Malaysia* |
| KDNK | Keluaran Dalam Negeri Kasar |

# AKRONIM
## *Acronyms*

| | |
|---|---|
| *GDP* | *Gross Domestic Product* |
| KDYMM | Kebawah Duli Yang Maha Mulia |
| KeTSA | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli |
| *KeTSA* | *Ministry of Energy and Natural Resources* |
| KOMALAUT | Kompleks Makanan Laut |
| *KPI* | *Key Performance Indicators* |
| KPPSM | Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia |
| *DGFPM* | *Director-General of Forestry Peninsular Malaysia* |
| KUP | Khas Untuk Penyandang |
| KWPH | Kumpulan Wang Pembangunan Hutan |
| LPKM | Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia |
| *MTIB* | *Malaysian Timber Industry Board* |
| $m^3$ | meter padu |
| *MAHFSA* | *Measurable Action for Haze-Free Sustainable Land Management in Southeast Asia* |
| MBJ | Majlis Bersama Jabatan |
| | *Departmental Joint Council* |
| MC&I | Kriteria dan Petunjuk Malaysia |
| *MC&I* | *Malaysian Criteria and Indicators* |
| MC&I SFM | Kriteria dan Petunjuk Malaysia untuk Pengurusan Hutan Mampan |
| *MC&I SFM* | *Malaysian Criteria and Indicators for Sustainable Forest Management* |
| *MDF* | *Medium Density Fibreboard* |
| MFC | Persidangan Perhutanan Malaysia |
| *MFC* | *Malaysian Forestry Conference* |
| MGP | Malim Gunung Perhutanan |
| | *Forest Mountain Guides* |
| *MTCS* | *Malaysian Timber Certification Scheme* |
| MTN | Majlis Tanah Negara |
| *NLC* | *National Land Council* |
| NGO | Badan-Badan Bukan Kerajaan |
| NRES | Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam |
| *NRES* | *Ministry of Natural Resources and Environmental Sustainability* |
| PBSSPPN | Program Kajian Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-spesies yang Sesuai di Pesisiran Pantai Negara |
| *PBSSPPN* | *Mangrove Planting Research Program and Suitable Species along the Country's Coastal Areas* |
| PERHILITAN | Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara |
| *DWNP* | *Department of Wildlife and National Parks* |
| PHD | Pejabat Hutan Daerah |
| *PHD* | *District / Provincial Forest Office* |
| PHSB | Pengurusan Hutan Secara Berkekalan |
| *SFM* | *Sustainable Forest Management* |
| PIRECFS | Inisiatif Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS |
| PLP | Pusat Latihan Perhutanan |
| *PLP* | *Forestry Training Centre* |
| PLPT | Pusat Latihan Perhutanan Terengganu |
| *PLPT* | *Terengganu Forestry Training Centre* |
| PPBBBT | Pusat Perolehan Biji Benih & Bahan TanamanIPJPSM |
| PPNSM | Persidangan pengarah-Pengarah Perhutanan Negeri Semenanjung Malaysia |
| *PPNSM* | *Conference of State Forestry Directors of Peninsular Malaysia* |
| PSOH | Projek Pendigitalan Sumber dan Operasi Hutan |
| RM | Ringgit Malaysia |
| *RS* | *Remote Sensing* |
| *RSS* | *Remote Sensing Survey* |
| *SICC* | *Sabah International Convention Centre, Sabah* |
| *SMPEM* | *Sustainable Management of Peatland Ecosystems in Malaysia* |
| SPPA | Sistem Pemantauan Pengurusan Aset |
| *SUPA* | *The Sustainable Use of Peatland and Haze Mitigation in ASEAN* |
| TKP(DP) | Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Perancangan) |
| *DDGFD(DP)* | *Deputy Director-General (Policy and Planning)* |
| TKP(OT) | Timbalan Ketua Pengarah (Operasi dan Teknikal) |
| *DDGFD(OT)* | *Deputy Director-General (Operations and Technical)* |
| TKPPSM | Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia |
| *DDGFPM* | *Deputy Director-General of Forestry Peninsular Malaysia* |
| TYT | Tuan Yang Terutama |
| *UK* | *United Kingdom* |
| UNESCO | United Nations Educational, Scientific and Cultural Organisation |
| *UNFCCC COP* | *Persidangan UN Climate Change Conference* |
| UNFF | United Nations Forum on Forests |
| VU | Vulnerable |
| WP | Wilayah Persekutuan |
| WPKL | Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur |
| YAB | Yang Amat Berhormat |
| YBhg. | Yang Berbahagia |
| YHM | Yayasan Hijau Malaysia |
| *YHM* | *Malaysian Green Foundation* |







# PETA LOKASI
## *LOCATION MAP*

Alamat / *Address*
Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan
Semenanjung Malaysia
*Forestry Department of Peninsular Malaysia Headquarter's*
Jalan Sultan Salahuddin, 50660 Kuala Lumpur

03-2616 4488

03-2692 5657

*Careline* 1-800-88-5776

Koordinat GPS / *GPS Coordinates*3° 9' 34'',101° 41' 3''

www.forestry.gov.my

**Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia**
*Forestry Department of Peninsular Malaysia*
Jalan Sultan Salahuddin, 50660 Kuala Lumpur

+603-2616 4488
+603-2692 5657
Careline : 1 800 88 5776
3°9' 34". 101 41' 33"

ISSN 1394-0074
9 771394 007005

KOD QR